SEJAK 1971
SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 26 Oktober 2015 | Jilid 45 Bil 3 | RM1.00 | beritakampus45@gmail.com | ISSN 1397-74436

LAPORAN KHAS | Jerejak: The forgotten island | 10-11



TOKOH
Yang Di-pertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas (empat dari kiri) menyampaikan Anugerah Tokoh Dakwah USM kepada Pembantu Penyelidik dan juga pelajar Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Sains Pergigian, Kampus Kesihatan, Johari Yap Abdullah (tiga dari kiri), disaksikan oleh Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr Omar Osman (dua dari kiri) dan Pengarah Pusat Islam merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Maal Hijrah 1437 Peringkat USM, Profesor Dato' Dr Idiris Saleh (kanan) di Dewan Budaya, USM pada 19 Oktober 2015. Foto Mohammad Fakhri Badlisham

USM meterai perjanjian dengan 3 institusi di Indonesia perkasa kearifan tempatan

Kerjasama antara institusi pendidikan tinggi Malaysia dan Indonesia diperkukuhkan lagi melalui penandatanganan Perjanjian Kolaborasi Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Institut Teknologi Bandung (ITB), Universitas Langlangbuana (UNLA) dan Universitas Pasundan (UNPAS) sempena Persidangan Antarabangsa Kearifan Tempatan 2015 di Bandung pada 14 Oktober 2015.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata, melalui perjanjian ini, kerjasama dalam bidang kearifan tempatan dapat diperkasakan antara institusi yang terlibat serta jaringan di peringkat global oleh USM dengan institusi lain dapat diperhebatkan lagi.

"Para penyelidik dan pihak terlibat diharap dapat menggunakan platform ini untuk terus memartabatkan kerjasama dalam kearifan tempatan bagi terus memelihara dan memulihara perkara ini", katanya yang juga Penaung Kumpulan Kearifan Tempatan USM.

Tambah Omar lagi, melalui perjanjian ini, diharapkan lebih banyak kerjasama dapat dilakukan di masa hadapan bukan sahaja dengan Indonesia malahan Brunei, Singapura dan lain-lain negara lagi dalam kearifan tempatan ini.

Menurut wakil Rektor dari ITB, Profesor Dr. Insinyur Bambang Riyanto Trilaksono, Bandung adalah kawasan yang kaya dengan kearifan tempatan dari segi kebudayaan, alatan muzikal tradisional dan lain-lain yang berkaitan yang boleh diketengahkan.

"Terokai Bandung kerana kawasan ini boleh dijadikan contoh dalam bidang kearifan tempatan serta para peserta diharapkan dapat bertukar-tukar ilmu pengetahuan dan idea lebih lanjut dalam aspek kolaborasi, kesetiakawanan dan pemahaman berkaitan isu yang dibicarakan", katanya.

Bagi Rektor UNPAS Prof Dr Insinyur Haji Eddy Jusoh SP M Kom pula, kolaborasi yang dipersetujui antara semua yang menandatangankan perjanjian hari ini dapat melebarkan lagi sayap bidang kearifan tempatan di rantau ini yang dapat juga dilebarkan ke peringkat global pada suatu masa kelak.

"Para peserta persidangan yang datang dari pelbagai negara juga dapat mewujudkan suasana untuk bersidang yang lebih baik serta matlamat persidangan dapat dicapai kali ini yang merupakan pertama kali dianjurkan di peringkat antarabangsa", tambah beliau.

Sementara itu, Rektor dari UNLA Dr. Haji Nana Rukmana Asmita Es Ha M Ha pula menjelaskan, perjanjian serta persidangan ini dapat memulihkan semangat kekitaan di Indonesia di mana katanya buat masa ini keadaan di Indonesia masih terkesan dengan semangat kekamian yang seharusnya diubah kepada semangat kekitaan di kalangan rakyat.

"Kita harus mengembalikan semangat kekitaan tersebut kerana ianya nyata berguna untuk kemajuan dari segi politik, ekonomi dan sosial di sini dan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dengan penganjuran persidangan kali ini yang merupakan platform serta satu kejayaan buat kedua negara iaitu Malaysia dan Indonesia dalam bidang kearifan tempatan", jelasnya lagi.

Terdahulu Naib Canselor USM menyempurnakan perasmian Persidangan Antarabangsa Kearifan Tempatan 2015. **[mprc.usm.my]**

USM guna pakar sedia ada tawar Sains Warisan

Oleh **NIK FAIZUL HISHAM ISMAIL**

Universiti Sains Malaysia (USM) bakal memperkenalkan bidang Sains Warisan di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Menurut Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman, bidang Sains Warisan turut akan ditawarkan kepada siswa-siswi luar negara bagi mendedahkan mereka tentang budaya dan warisan negara.

"USM menggalakkan siswa-siswi tempatan mahupun luar negara untuk mengikuti bidang ini. Negara kita mempunyai banyak budaya dan warisan yang perlu diperkenalkan ke luar", kata Omar Osman.

Bidang ini memerlukan siswa-siswi yang mempunyai kemahiran dalam budaya dan warisan. USM juga mahu meletakkan Sains Warisan mengikut teknologi dan sains yang mana dapat mengekalkan warisan tersebut.

Menurut Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Profesor Dato' Dr Mohd Mokhtar Saidin, PPAG USM telah melakukan persiapan untuk memperkenalkan Sains Warisan di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

"Sebelum ini subjek arkeologi ini hanya ditawarkan dalam program minor. PPAG sudah bersedia dari segi kursus dan menggunakan tenaga pengajar yang sedia ada", jelas Mokhtar.

Menurut Dekan Pusat Pengajian Seni, Profesor Madya Mohamad Omar Bidin, idea untuk memperkenalkan Sains Warisan bermula sejak 2013.

"Timbul idea ini apabila melihat bidang subjek seperti gamelan dan teater yang mempunyai pakar dalam bidang tersebut. Kita juga melihat perkara yang melibatkan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan lama yang ada di USM. Kita melihat bidang Sains Warisan sebagai bidang yang baik untuk diterokai oleh siswa-siswi", kata Omar Bidin.

"Kekurangan pelapis dalam bidang ini mampu diatasi dengan kursus ini yang boleh menaikkan lagi warisan dan budaya itu sendiri secara tidak langsung. Kita mempunyai tenaga pakar dalam bidang dan kemudahan yang cukup untuk menawarkan bidang Sains Warisan di peringkat Ijazah Sarjana Muda", tambah Omar Bidin.

Upacara Konvokesyen Ke-52 USM akan diadakan dari Selasa, 17hb hingga Sabtu, 21hb November 2015, selama 5 hari, merangkumi 9 sesi.

Manfaat penggunaan media sosial

Pada zaman yang serba moden ini, media sosial memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat sama ada yang muda atau tua. Media sosial telah membantu masyarakat untuk menghubungi rakan-rakan, saudara mara dan juga ahli keluarga dengan pantas sama ada dekat atau jauh. Walaupun demikian, media sosial harus digunakan dengan sebaik mungkin kerana lebih banyak keburukan dari kebaikan jika disalah gunakan.

Jika dilihat pada masa kini, ramai masyarakat yang telah menyalahgunakan media sosial. Perkara ini semakin menjadi-jadi apabila ramai yang semakin gemar mendedahkan maklumat diri mereka. Contohnya, jika kita lihat di media sosial seperti facebook, ramai yang gemar mendedahkan maklumat diri seperti tarikh lahir, tempat tinggal, ahli keluarga dan sebagainya. Pendedahan diri dilakukan oleh segenap lapisan masyarakat tidak kira remaja mahupun orang dewasa. Hal ini boleh memberi masalah kepada diri sendiri kerana ada sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan tarikh lahir atau nombor rumah sebagai kata laluan untuk nombor akaun bank atau akaun media sosial.

Pendedahan diri juga boleh menyebabkan keselamatan diri mereka terancam. Contohnya, ibu bapa pada masa kini suka memuat naik gambar anak-anak mereka yang boleh menarik minat golongan pedofilia iaitu golongan yang tertarik secara seksual terhadap kanak-kanak. Perkara sebeginilah yang harus dibimbangkan oleh ibu bapa di luar sana supaya mereka lebih berhati-hati apabila ingin mendedahkan gambar anak-anak mereka di laman media sosial.

Seterusnya, golongan remaja juga perlu menggunakan media sosial dengan sebaik mungkin. Golongan remaja kini sering menayangkan gambar 'selfie' mereka di media sosial tanpa menghiraukan akibat perbuatan mereka itu boleh menarik minat orang yang mempunyai niat buruk untuk mendekati mereka. Banyak kes jenayah seperti culik, rompak, ragut dan rogol berpunca dari perkenalan melalui laman sosial. Oleh itu, golongan remaja perlulah menggunakan media sosial dengan sebaik mungkin.

Media sosial memberi banyak manfaat terhadap masyarakat jika digunakan dengan baik. Ia bukan sahaja boleh digunakan untuk menghubungi rakan-rakan dan saudara mara malah juga boleh digunakan untuk bertukar maklumat dan berkongsi ilmu bersama masyarakat.

Namun begitu, jika media sosial disalah gunakan ia boleh menjadi mimpi buruk kepada kita. Oleh itu, kita perlulah berfikir dengan baik semasa menggunakan media sosial agar kita dapat menjauhi ancaman bahaya dari salah guna media sosial.

Transformasikan pemikiran di jalan raya

Zaman kian beralih, musim terus berganti dan masa terus berlalu. Kebanyakan masyarakat pada era ini disuntik pemikirannya bahawa kemajuan sesebuah ketermadunan itu hanya boleh dipacu melalui pembangunan infrastruktur semata-mata. Namun, adakah pembangunan pesat sesebuah bandar dan negara itu menjamin pembangunan mentaliti dan corak pemikiran masyarakatnya? Pemikiran sesetengah masyarakat misalnya semakin tenggelam dan hayut akibat tsunami pembangunan yang menghakis kemanusiaan kita hingga mengabaikan banyak perkara waima soal keselamatan dan nyawa sendiri.

Menyentuh mengenai soal keselamatan dan nyawa, masyarakat kini seakan tidak menghargai dan mengambil mudah mengenainya. Hampir setiap hari kita akan mendengar tentang bilangan korban yang meningkat akibat daripada desakan kemajuan seperti kecelakaan di jalanraya namun, sejauhmanakah kita cakna dan ambil peduli tentangnya? Peratusan tinggi kemalangan dikatakan berpunca daripada sikap cuai pemandu ketika berada di atas jalan raya. Tidak ada gunanya jika kenderaan kita dilengkapi dan disertakan dengan ciri-ciri keselamatan yang berteknologi tinggi namun pemikiran kita tidak bergerak seiring dengan perkembangannya. Tidak dinafikan bahawa ciri-ciri keselamatan ini dapat membantu pemandu menangani situasi di luar jangkaan dengan lebih efisyen namun pada asasnya, perkara ini bermula daripada cara pemikiran dan sikap pemandu itu sendiri.

Kelalaian seperti menggunakan telefon bimbit semasa pemanduan merupakan salah satu penyumbang kepada kes-kes kemalangan di jalanraya. Penggunaan telefon bimbit sewaktu memandu menyebabkan otak melakukan dua kerja dalam satu-satu masa hingga hilangnya kosentrasi pada pemanduan. Oleh itu, jika mendapat panggilan, berhentilah seketika bagi mengelakkan sesuatu yang tidak dijangka. Kesedaran tentang kepentingan mengikuti peraturan jalan raya perlu hadir dari dalam diri kerana tanpa kesedaran dalam diri, penambahbaikan ciri-ciri keselamatan yang berteknologi tinggi sekalipun, tidak membawa apa-apa makna.

Selain itu, terdapat segolongan pemandu yang tidak mementingkan keadaan kenderaan yang akan digunakan semasa perjalanan.. Jadi sebelum memulakan perjalanan, antara yang perlu diambil perhatian adalah sistem brek, tayar dan lampu isyarat sisi. Banyak kejadian kemalangan berlaku disebabkan sistem brek tidak berfungsi dan keadaan tayar yang tidak diservis dengan sepatutnya. Tayar kenderaan yang berisiko untuk pecah semasa pemanduan merupakan perkara yang paling mudah untuk difikir dan difahami tanpa memerlukan kita mempunyai sijil atau pengiktirafan yang dimiliki mekanik.

Pernahkah kita menyedari bahawa kita telah membazirkan sejumlah wang yang besar untuk kempen-kempen dan kajian menggunakan media seperti program pemanduan berhemah, permainan lalu lintas dan pendidikan mengenai keselamatan di jalan raya bagi kanak-kanak di sekolah? Namun, tanpa kesedaran dan kemahuan untuk mengubah pemikiran dan mentaliti dalam diri, kempen-kempen, kajian bahkan peraturan yang digubal sekalipun tidak membawa apa-apa kesan kepada isu yang semakin membarah ini. Sebagai sebuah masyarakat yang maju, tingkatkanlah kesedaran dan didiklah pemikiran yang bertamadun sesuai dengan kemajuan yang telah kita kecapi.

Siswa-siswi perlu peka elak kecurian

Masalah kecurian dalam kampus sering diperkatakan oleh pelajar USM kerana ia semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini. Kes kecurian membuatkan siswa-siswi berasa bimbang terhadap tahap keselamatan harta benda mereka. Ada juga yang kurang yakin dengan tahap keselamatan yang ada di USM.

Menurut statistik kes kecurian dari Jabatan Keselamatan (JK) pada tahun 2015 menunjukkan indeks kecurian meningkat dari bulan ke bulan. Sepanjang bulan Januari hingga Oktober 2015, jumlah kes kecurian yang direkodkan adalah sebanyak 123 kes. Dalam kes kecurian tersebut sebanyak 102 kes yang masih dalam siasatan JK, 16 kes yang sudah diselesaikan dan 5 kes yang baru dilaporkan oleh mangsa kecurian.

Kes kecurian yang berlaku di USM yang biasanya dilaporkan oleh mangsa kepada JK adalah seperti kes kecurian laptop, motosikal, topi keledar, wang dan yang paling tinggi sekali adalah pakaian.

Kes kecurian pakaian merekodkan peratusan yang paling tinggi berbanding kes yang lain kerana ia lebih mudah untuk dicuri. Namun hanya satu kes kecurian motosikal yang dilaporkan berlaku di Desasiswa Cahaya Gemilang dan ia sudah dapat diselesaikan oleh JK.

Dalam usaha JK mengurang dan menyelesaikan masalah tersebut dengan cara membuat pantauan di tempat-tempat yang berisiko berlaku kecurian seperti di masjid dan tempat letak kenderaan di desasiswa siswa-siswi.

Pengurusan desasiswa juga telah menguatkuasakan peraturan dan sentiasa memberi peringatan kepada siswa-siswi untuk memastikan keselamatan harta benda mereka terjamin dengan cara melaksanakan kempen kunci pintu apabila keluar dari bilik.

Menurut JK, pelbagai pihak bekerjasama untuk mengurangkan kes kecurian di USM, malangnya kes masih juga bertambah dari tahun ke tahun walaupun masih terkawal. Hal ini berpunca dari sikap siswa-siswi sendiri yang kurang sensitif terhadap keselamatan harta benda kepunyaan mereka.

JK tidak menafikan bahawa ada pelajar yang mengurus soal ini dengan baik, dan hasilnya mereka tidak menghadapi sebarang masalah kecurian sepanjang pengajian di USM. Misalnya kebanyakan kes kecurian disebabkan oleh siswa-siswi yang tidak mengunci motosikal atau menggunakan kunci pendua. Bagi kes kecurian di desasiswa pula, ia berlaku apabila penghuni keluar dengan membiarkan pintu bilik tidak berkunci.

Kecurian juga sering berlaku di blok lelaki berbanding blok wanita walaupun bilangan wanita yang menginap di desasiswa USM hampir 65%. Hasil siasatan JK menunjukkan bahawa siswa tidak peka terhadap kes kecurian yang berlaku dan masih meletakkan barang berharga di atas meja yang berhampiran dengan tingkap yang terbuka.

Hal ini memudahkan lagi kepada si pencuri untuk mengambilnya. Siswa juga kurang berinteraksi antara ahli blok. Situasi ini menyebabkan lebih mudah orang luar masuk ke dalam blok mereka kerana penghuni blok tidak mengenali antara satu sama lain.

Justeru, siswa-siswi USM perlu sentiasa peka untuk mengunci pintu bilik walaupun keluar ke tandas, serta jangan mudah memberi pinjam kunci bilik atau kunci motosikal kepada rakan-rakan kerana ada kejadian di mana rakan tersebut membuat kunci pendua untuk memudahkan mereka mencuri harta benda milik rakan sendiri.

LEMBAGA PENASIHAT BERITA KAMPUS

PENGERUSI
Prof Madya Dr Jamilah Haji Ahmad
PENASIHAT
En Mohamad Abdullah, Pengarah, Pusat Media dan Perhubungan Awam
PENGERUSI RANCANGAN PRASISWAZAH
Dr Nik Norma Nik Hasan
PENSYARAH - RENCANA
Dr Nik Norma Nik Hasan
Puan Hajah Hamidah Abd Hamid
PENSYARAH - BERITA & ATURLETAK
Dr Chai Ming Hock
PEMBANTU KHAS
En Abd Rahman Khalid
En Abd Razak Ismail
En Mohd Azmi Ahmad Rahim

SIDANG EDITORIAL

KETUA PENGARANG
Khairul Annuar Adzhar
TIM. KETUA PENGARANG I
Mohammad Fakhri Badlisham
TIM. KETUA PENGARANG II
Norhayati Asri
KETUA PENYUNTING
Mastura Abdul Malek
PENYUNTING BERSEKUTU
Asmah Ali
Muhammad Suhaib Mohd Shapiee
Nur Farzana Jasmi
Shangitha Sadayan
Muhammad Fauzi
KETUA ATUR LETAK
Nurul Fazera Abdul Aziz
PENGURUS EDARAN
Wey Wei Ling
WARTAWAN
Adi Yusran Mohamad Radzi
Adriana Lim Mei Fung
Chritina Yong Zi Xin
Fan Wei Sin Joyce
Intan Mahsuri Sulaiman
Jasy Bong Yi Jan
Kee Yik Kai
Mastura Abdul Malek
Mohammad Fakhri Badlisham
Mohamad Yusof Helmy Ramli
Muhammad Shukur Yusop
Nik Faizul Hisham Ismail
Noor Shahirah Shafie
Nor Rita Amirah Mohd Samsudin
Norhayati Asri
Nur Awanis Rosni
Nur Khairina Kamal
Nur Lyna Alfira Jamal Mohamed
Nur Shahidatul Shahira Zakaria
Nurul Anis Athirah Ajiz
Nurul Fazera Abdul Aziz
Ooi Jing Yi
Rodiah Md Daud
Siow Jing En
Tong Yih Huey
Wey Wei Ling

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi, USM
TELEFON 04-6535073
E-MEL beritakampus45@gmail.com

Berita Kampus adalah akhbar makmal pelajar kewartawanan Pusat Pengajian Komunikasi yang diterbitkan bersama Pusat Media dan Perhubungan Awam (MPRC) USM.

Sejak 1971. Suara dari menara ilmu

Johari Yap Tokoh Dakwah Maal Hijrah 1347H/2015

Universiti Sains Malaysia (USM) menganugerahkan Tokoh Dakwah Maal Hijrah 1437/2015 kepada Pensyarah Pusat Pengajian Sains Pergigian Kampus Kesihatan, Johari Yap Abdullah sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat USM di Dewan Budaya. Pada majlis itu, USM turut memberi anugerah kepada 21 staf USM yang memberi sumbangan cemerlang dengan tema Perpaduan Nadi Transformasi Universiti.

Johari Abdullah @ Yap Guan Kheng atau lebih dikenali dengan panggilan Johari Yap dipilih berdasarkan kesungguhan dan dedikasi beliau menyebar dan memartabatkan agama Islam dengan tekun, bukan saja di USM tetapi juga di peringkat nasional dan antarabangsa.

Beliau yang berasal dari Wakaf Bharu, Kelantan dan ialah graduan USM dalam bidang *Craniofacial Imaging 3D* yang juga pernah dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Saudara Baru peringkat negeri Kelantan pada 2007 menyatakan bahawa penghijrahan dalam konteks kehidupan hari ini perlu disertakan dengan penghijrahan minda, nilai dan etika serta budaya positif dengan meraikan segala perbezaan.

"Tidak akan timbul pertelingkahan, perselisihan faham dan syak wasangka antara kaum jika kita mengamalkan semangat bersatu padu dan saling bertoleransi. Tanpa perpaduan, matlamat menegakkan Islam tidak mungkin dapat dicapai. Sehubungan itu, asas kepada perpaduan haruslah dijana dan dirintis dengan pelbagai gerakan supaya dapat membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu," katanya.

Bapa kepada dua orang cahaya mata itu menerima hadiah wang tunai RM3,000, seutas jam tangan, trofi dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang , Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas.

Dalam majlis sama, USM turut membahagikan anugerah Maal Hijrah kepada dua lagi kategori iaitu Anugerah Kecemerlangan Maal Hijrah dan Anugerah Khas Pusat Islam USM yang dipilih dalam kalangan staf USM daripada pelbagai jabatan di atas jasa serta sumbangan mereka terhadap aktiviti-aktiviti yang digerakkan untuk tujuan dakwah.

Lapan penerima Anugerah Kecemerlangan Maal Hijrah 1437 Hijrah membawa pulang wang tunai sebanyak RM2,000, seutas jam tangan dan sijil penghargaan manakala 13 penerima Anugerah Khas Pusat Islam USM pula membawa pulang wang tunai RM500, seutas jam tangan beserta sijil penghargaan.

Terdahulu, majlis diserikan dengan bacaan al-Quran oleh Zulhairi Abd. Rahman dan kemudian diteruskan dengan pengisian Ceramah Perdana oleh penceramah yang diterbangkan khas dari Singapura, Prof .Madya Dr. Khairudin Al-juined, Pensyarah di Universiti Kebangsaan Singapura.

Ellias Zakaria Tokoh Maal Hijrah Negeri Pulau Pinang

Pengarah Pusat Transformasi Insan, Profesor Madya Dato' Al-Ustaz Haji Ellias Haji Zakaria telah dianugerahkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Pulau Pinang pada tahun ini yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tun Dato' Seri Utama Dr Haji Abdul Rahman Haji Abbas dalam majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1437H/ 2015M di Dewan Mellinium, Kepala Batas, Pulau Pinang pada 14 Oktober 2015.

Ellias, 59 menerima sehelai jubah berwarna keemasan, medal, trofi, sijil penghargaan serta wang RM8,000.

"Anugerah ini saya anggap untuk membentuk perubahan dalam menyumbang bakti dalam melaksanakan tugas-tugas dan menyampaikan dakwah atas prinsip melakukan kerja secara ikhlas kerana Allah SWT", kata Ellias.

Tambahnya, beliau fikir ini adalah anugerah berdasarkan sumbangan beliau melalui pelbagai institusi atau sukarela selama ini di samping perkhidmatan di peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang bukan bertujuan untuk menerima anugerah tetapi semangat 'Saya Sayang USM' yang ada di dalam diri.

Antara anugerah yang pernah diterima Ellias ialah Tokoh Maal Hijrah (USM) 2006, Tokoh Dakwah (USM) 1998, Tokoh Maulidul Rasul (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) 2005, Tokoh Agama (Persatuan Melayu Pulau Pinang) 2010 dan Anugerah Tokoh Waris SMKA Al-Mashoor (L) 2010.

Berlatar belakangkan Pengajian Islam Syariah dan Tamadun Islam, perkhidmatan Ellias bersama USM selama 31 tahun sejak 1984 memberi kekuatan kepadanya untuk terus menyumbang bakti kepada universiti dan pihak luar yang memerlukan.

Di antara penglibatannya termasuklah sebagai peserta program bantuan kemanusiaan ke luar negara (Kemboja, Thailand, Indonesia), Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2010-2011), Pengerusi Lembaga Pengarah Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (2010-2012) dan sebagainya.

Ellias turut merakamkan penghargaannya kepada USM dan kerajaan negeri Pulau Pinang kerana memberi peluang kepadanya selama ini apatah lagi dengan anugerah yang diterima ini. **[mprc.usm.my]**

Anugerah ini saya anggap untuk membentuk perubahan dalam menyumbang bakti dalam melaksanakan tugas-tugas dan menyampaikan dakwah atas prinsip melakukan kerja secara ikhlas kerana Allah SWT.

Perpaduan tunjang agenda transformasi universiti

Oleh **MOHAMMAD FAKHRI BADLISHAM**

Yang Di-pertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas menyeru warga Universiti Sains Malaysia (USM) untuk memahami peristiwa hijrah secara holistik bagi menjelaskan hakikat kepentingan perpaduan sebagai nadi atau tunjang utama yang menjadi pemangkin transformasi universiti.

Menurut beliau, tiada modul perpaduan yang lebih sempurna daripada pendekatan Rasullullah S.A.W. yang terbukti berjaya menyatupadukan pelbagai kaum dan agama hingga terbentuknya sebuah perpaduan yang digeruni musuh ketika itu dengan menjadikan al-Quran sebagai rujukan dalam semua perkara.

"Tidak banyak yang boleh difikirkan atau dilakukan oleh sesebuah negara dan institusi yang berkonflik dan bersengketa. Pemikiran dan hala tuju pasti bercelaru, malah masa yang ada terpaksa dihabiskan untuk mencari titik pertemuan di meja rundingan bersilih ganti. Tidak ada cara untuk memeliharanya melainkan dengan mengikut manhaj dan cara yang dipraktikkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.," ujarnya.

"Namun, hari ini umat Islam berpecah belah dan berperang sesama sendiri. Kesannya umat Islam tidak lagi memimpin dunia sains dan teknologi sebaliknya hari ini, bangsa Israel yang lahir bersendirian, dipinggirkan, dihina, dibunuh dan diusir ke penjuru dunia akhirnya muncul sebagai negara yang kuat kerana perpaduan yang mereka miliki," tambah Abdul Rahman lagi.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Sambutan Maal Hijrah 1437/2015 Peringkat Universiti Sains Malaysia (USM) pada 19 Oktober 2015 sekaligus menyampaikan Anugerah Tokoh Maal Hijrah USM di Dewan Budaya.

Terdahulu, Naib Canselor USM, Profesor Dato Omar Osman menyifatkan tema sambutan Maal Hijrah USM iaitu Perpaduan Nadi Transformasi Universiti amat signifikan dengan keamanan, perpaduan dan kemajuan yang dikecapi oleh tamadun Islam hasil daripada hijrah Rasullullah S.A.W. yang menjadi nadi kebangkitan Islam, memberikan pengertian mendalam terhadap hala tuju USM untuk masa depan yang lebih cemerlang.

"Rasulullah mengajar kita agar bersikap mulia menghormati sesama manusia dan alam semesta. Nabi Muhammad juga menganjurkan banyak perkara kebaikan bagi menyuburkan rasa cinta, kasih sayang dan perpaduan dalam masyarakat majmuk dan pada masa sama juga, baginda melarang perbuatan yang boleh mengguris hati mana-mana pihak demi menjaga sebuah keharmonian dan perpaduan," kata Omar.

Prof Omar juga menggangap pemilihan tema untuk sambutan Maal Hijrah kali ini memberikan pengertian mendalam terhadap hala tuju USM untuk mencapai matlamat, visi dan misinya demi masa depan yang lebih cemerlang.

"Universiti memilih tema ini untuk mengajak warga kampus dan masyarakat menghargai dan mensyukuri harga keamanan serta perpaduan yang kian terhakis, mengajak seluruh warga USM bekerja bersama-sama seia sekata untuk menjayakan transformasi pendidikan tinggi dan menjayakan objektif strategik yang ingin kita capai malah bersatu hati untuk menjayakan sembilan bidang keberhasilan utama yang ingin kita capai pada tahun 2020," ujar Omar.

"Perpaduan sebenarnya melambangkan kesucian hati, nurani dan qalbu sesuatu bangsa dan umat. Begitulah sebaliknya, perpecahan dan persengketaan melambangkan hati, jiwa dan qalbu yang busuk, sakit dan tenat. Bangsa yang bersengketa dan berpecah belah pasti tidak mampu menggunakan keupayaan intelektual dan kehebatan akal untuk memajukan diri sendiri, apatah lagi untuk mendaulatkan agama dan mempertahankan negaranya," tambahnya lagi.

Dalam majlis sama, Pensyarah Pusat Pengajian Sains Pergigian USM yang juga Setiausaha Kehormat Persatuan Penyelidikan Pergigian Antarabangsa, Malaysia (IADR), Setiausaha Editor Tomografi Berkomputer dan Pengimejan Teknologi Malaysia (MyCT), Pengerusi Persatuan Cina Muslim Malaysia Kelantan (MACMA), Setiausaha Gabungan NGO Kelantan, Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Penyelaras Projek ICT Yayasan Kelantan untuk Orang Kurang Upaya (YOKUK), Johari Yap Abdullah dinobatkan sebagai Tokoh Dakwah Maal Hijrah USM 1437 Hijrah di atas sumbangannya yang tidak terbatas dan merentasi sempadan negara.

Beliau menerima hadiah wang tunai RM3,000, seutas jam tangan, trofi dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang , TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas.

Seramai 21 orang staf USM turut menerima anugerah Maal Hijrah bagi dua kategori iaitu Anugerah Kecemerlangan Maal Hijrah dan Anugerah Khas Pusat Islam USM.

Mereka pulang dengan wang tunai, seutas jam tangan dan sijil penghargaan.

Tiada modul perpaduan yang lebih sempurna daripada pendekatan Rasullullah S.A.W. yang terbukti berjaya menyatu-padukan pelbagai kaum dan agama hingga terbentuknya sebuah perpaduan yang digeruni musuh ketika itu dengan menjadikan al-Quran sebagai rujukan dalam semua perkara.

Dalami erti Aidiladha

Aidiladha adalah perayaan yang dirayakan oleh umat Islam seluruh dunia dan merupakan hari istimewa untuk memperingati pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. serta anaknya Nabi Ismail a.s dalam menunaikan perintah Allah. Ibadah korban dilakukan sama ada pada Hari Raya Aidiladha iaitu 10 Zulhijah atau pada 11, 12 atau 13 Zulhijjah yang dikenali sebagai Hari Tasyrik.

Sepanjang tempoh tersebut umat Islam diharamkan untuk berpuasa. Menurut Hadis Riwayat Muslim,"Sesungguhnya hari itu (Tasyrik) adalah hari makan, minum dan zikrullah".

Hari Tasyrik boleh meningkatkan ketakwaan umat Islam kepada Allah dengan mengalunkan zikir-zikir yang disunatkan seperti menyebut nama-nama Allah dan berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w.

Terdapat dua takbir pada Hari Raya Aidiladha iaitu takbir yang tidak terikat dan takbir yang terikat. Takbir tidak terikat boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja tetapi dalam tempoh yang ditetapkan. Takbir ini bermula pada 1 Zulhijah sehingga waktu asar 13 Zulhijah. Dalam tempoh berkenaan, umat Islam disunatkan memperbanyakkan takbir dan alunan zikir. Takbir yang terikat pada waktu ialah takbir yang dilaksanakan setelah selesai menunaikan solat wajib yang bermula pada waktu subuh 10 Zulhijah sehingga waktu asar 13 Zulhijah.

Solat sunat hari raya pula ialah solat sunat yang dilakukan secara berjemaah di masjid atau bersendirian di awal pagi raya. Hukum solat sunat Hari Raya Aidiladha ialah sunat muakkad iaitu amalan sunat yang sangat dituntut dalam Islam. Solat ini dipercepatkan sedikit berbanding solat sunat Aidilfitri untuk memberi ruang penyembelihan binatang korban.

Binatang yang dikorbankan akan disembelih secara beramai-ramai di kawasan masjid atau di kawasan lapang. Daging korban akan dibahagi-bahagikan kepada orang ramai terutamanya kepada golongan fakir miskin. Haiwan korban yang dimaksudkan ialah lembu, kambing, biri-biri, kibas atau kerbau yang disembelih dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Ibadah korban merupakan antara ibadah yang mendapat ganjaran besar daripada Allah S.W.T. Terdapat pelbagai hikmah mengerjakan ibadah korban antaranya ialah berkongsi nikmat Allah S.W.T dengan golongan yang kurang bernasib baik, memupuk sikap prihatin terhadap masyarakat sekeliling, menyemai nilai-nilai murni di dalam diri serta meneladani kesabaran Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ismail a.s dalam menghadapi ujian.

Perayaan ini amatlah besar maknanya bagi umat Islam kerana tergolong dalam rukun Islam. Mengorbankan binatang pada hari raya Aidiladha bukan sekadar menyembelih binatang namun turut menjurus kepada penyucian jiwa seseorang. Kemeriahan sambutan hari raya bukan diukur dari pandangan material semata-mata tetapi sepatutnya mendekatkan diri kepada Allah. Menghayati makna korban dapat meningkatkan keimanan seseorang agar sentiasa bersedia menghadapi ujian dan mentaati perintahNya. Justeru, erti sebenar Aidiladha bukanlah terletak kepada kewajiban melaksanakan ibadah tersebut tetapi keikhlasan yang kita semai ke dalam diri.

JK kuatkuasa penggunaan Padang Kawad

Jabatan Keselamatan (JK), Universiti Sains Malaysia (USM) telah menguatkuasakan pembahagian Padang Kawad kepada dua bahagian. Tindakan ini berikutan, aduan daripada Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) berkenaan dengan ruang latihan kawad.

Menurut Pengawal Keselamatan JK, John Joseph, JK telah meletakkan pembahagi ruang bagi latihan kawad pasukan beruniform dan kegunaan parkir kenderaan.

"Setiap aktiviti yang ingin dilakukan oleh siswa-siswi perlu mendapat kelulusan daripada PALAPES terlebih dahulu kerana Padang Kawad merupakan di bawah pentadbiran PALAPES", kata John.

"Ruang latihan kawad tersebut akan ditutup sepanjang masa dan di tempat tersebut," tambah John.

Erat hubungan dua negara melalui festival kebudayaan



Duta Besar Republik Indonesia, H.E. Herman Prayitno (tengah) melihat songket di salah sebuah gerai pameran sambil diperhatikan oleh Pro-Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Datuk Mustafa Mansur (kiri) selepas majlis perasmian Festival Indonesia 2015 di Dewan Tuanku Syed Putra, USM.

Program Festival Indonesia 2015 (FI2015) menjadi wahana untuk mempereratkan lagi hubungan antara masyarakat Indonesia dan Malaysia bekerjasama sebagai negara serumpun.

Duta Besar Republik Indonesia, H. E. Herman Prayitno menjelaskan sewaktu merasmikan FI2015 yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM).

"Saya gembira kerana festival budaya yang cukup besar ini diselenggarakan oleh Persatuan Pelajar Indonesia (PPI) USM dan disokong oleh Konsulat Jeneral Republik Indonesia Pulau Pinang", jelas Herman.

Herman menyatakan walaupun Indonesia dan Malaysia merupakan rumpun suku bangsa Melayu yang memiliki kedekatan seni dan budaya, namun beliau yakin pemahaman seni dan kebudayaan Indonesia secara menyeluruh oleh masyarakat Malaysia dan siswa-siswi USM masih belum sempurna.

"Kami memilih USM kerana ramai pelajar Indonesia yang melanjutkan pelajaran disini. Bukan itu sahaja, semangat dan sokongan yang diberikan oleh siswa-siswi Indonesia dan Malaysia di USM memudahkan lagi kami untuk terus menjalinkan hubungan sebegini. Pada acara perasmian tadi, kita boleh lihat kesepaduan yang dibentuk oleh penonton yang hadir dengan alat muzik tradisional Indonesia iaitu Angklung. Kami juga berharap program ini akan berterusan pada tahun hadapan", jelas Herman lagi.

FI2015 kali ini berbeza dari tahun sebelumnya kerana mempunyai gerai jualan yang menjual kraftangan iaitu batik Indonesia.

"Seni batik adalah kraftangan yang sangat unik dan mudah untuk diusahakan jika kita mempunyai keinginan yang tinggi. Di samping itu, melalui kraftangan batik ini, kita mampu menjana pendapatan. Saya juga telah berjaya memasarkan kraftangan batik ini ke luar negara seperti Jepun", jelas pengusaha batik Morinda, Sri Sarwani, dari Jawa Tengah, Indonesia

Menurut seorang siswi Indonesia yang mengikuti program pertukaran pelajar antarabangsa, Rachel, program ini ialah satu pendedahan kepada siswa-siswi USM dengan keunikan budaya Indonesia.

"Kebanyakan kawan-kawan saya daripada pelbagai negara seperti Jepun, Korea, Thailand, Perancis, Amerika Syarikat dan pelbagai lagi masih belum mengenali budaya dan keunikan Indonesia, dengan adanya program seperti ini, mereka sudah tentu lebih mengenali dan menyukai kelainan yang ada di Indonesia", jelas Rachel.

Turut bersama semasa perasmian festival itu ialah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dato' Mohd Rashid Hasnon, Pro-Canselor USM, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur, Konsulat Republik Jeneral Indonesia Pulau Pinang, Bapak Taufiq Rodhy, Konsul Jeneral Jepun Mr Ryuji Noda, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dato' Dr Susie See Ching Mey dan ramai lagi.

Penerbit USM tandatangan empat MoA untuk pasar e-buku antarabangsa

Dalam usaha membawa karya Malaysia, khususnya hasil kajian dan penyelidikan oleh penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) ke peringkat antarabangsa, USM telah menandatangani empat Memorandum Perjanjian (MoA) dengan rakan strategik bagi memasarkan hasil terbitan Penerbit USM ke peringkat global yang ditandatangani di Frankfurter Buchmesse (Pesta Buku Frankfurt) yang berlangsung pada 14-18 Oktober 2015 di Frankfurt, Jerman.

Keempat-empat MoA ini ialah di antara USM dengan EBSCO Publishing dan ProQuest, gergasi depositori kandungan yang menempatkan kandungan digital dari seluruh dunia bagi memasarkan buku elektronik (ebuku) Penerbit USM untuk pasaran antarabangsa di samping penandatanganan perjanjian dengan Ingram Content Group dan PT Buqu Global.

Semua dokumen perjanjian ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan USM, Profesor Dato' Dr Muhamad Jantan yang mewakili Naib Canselor USM.

Yang turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengarah Penerbit USM Akhiar Salleh dan beberapa orang pegawai Penerbit USM yang bertugas sepanjang Pesta Buku Frankfurt.

Menurut Muhamad ketika berucap di majlis pemeteraian perjanjian dengan ProQuest, usaha memasuki pasaran antarabangsa penerbitan digital melalui syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat ini adalah untuk meningkatkan keternampakan karya, pengarang dan USM pada peringkat dunia.

Pengurus Kanan EBSCO, Mari Bergeron menyatakan kegembiraannya kerana USM memilih EBSCO menjadi rakan strategik dalam pemasaran penerbitan digital.

Tambahnya lagi, selain daripada kekuatan dan keunikan karya yang diterbitkan, penjualan ebuku bergantung juga kepada kekuatan metadata yang dibekalkan oleh penerbit kepada pihaknya dan metadata menjadi nadi kepada keternampakan sesuatu judul dalam alam siber.

Naib Presiden Kanan dan Pengurus Besar ProQuest, Kevin Sayar pula berkata Penerbit USM adalah penerbit pertama di Malaysia dan di rantau ini yang berjaya menjalin usaha sama pemasaran ebuku dengan ProQuest.

MoA dengan Ingram Content Group pula adalah bagi memasarkan buku bercetak secara Print on Demand (POD) terbitan Penerbit USM bagi pasaran antarabangsa.

Pengurus Pemasaran Ingram Content Group Andrew Bromley pula berkata dengan adanya perkhidmatan seperti ini, buku bercetak yang dipesan akan dihantar terus oleh rangkaian pencetaknya, iaitu Ingram–Lightning Source kepada pembeli dalam tempoh seminggu mengikut rantau pembeli.

Ingram mempunyai 39,000 peruncit dan perpustakaan yang melanggan perkhidmatannya di seluruh dunia.

Penerbit USM juga dalam peringkat akhir rundingan untuk memasarkan ebuku melalui Ingram–CoreSource yang mempunyai 260 pengedar penerbitan digital di seluruh dunia.

USM turut memeterai perjanjian dengan PT Buqu Global untuk memasarkan ebuku untuk pasaran antarabangsa.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PT Buqu Global Erlan Primansyah berkata dengan adanya usaha sama ini, akan dapat mengatasi kesukaran menembusi pasaran Indonesia bagi buku bercetak yang dihadapi oleh penerbit di Malaysia selama ini.

Menurut Akhiar, Penerbit USM menjadi peneraju dalam ebuku di Malaysia terutamanya dalam kalangan penerbit IPTA telah memasuki pasaran antarabangsa secara agresif bermula hujung tahun 2014.

Sehingga kini sudah lebih 150 judul buku dan lebih daripada 120 isu jurnal dalam format ePub yang telah berjaya dihasilkan. Buku-buku terbitannya boleh dibeli melalui portal Amazon.com, Google Play (Book), Barnes & Noble, Apple Store dan beberapa portal buku elektronik terkenal termasuk portal tempatan eSentral dan BachaBooku.

"Semua ebuku tersebut diedar melalui aggregator (pengedar buku elektronik) seperti Trajectory, Kobo, Google Play, OverDrive dan Xentral Methods," kata Akhiar. **[mprc.usm.my]**

Usaha memasuki pasaran antarabangsa penerbitan digital melalui syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat ini adalah untuk meningkatkan keternampakan karya, pengarang dan USM pada peringkat dunia.

Profesor Dr Nik Hazlina rangkul Anugerah Karya Ilmiah Kebangsaan

Pensyarah Unit Perkembangan Kesihatan Wanita (UKPW), Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dr. Nik Hazlina Nik Hussain telah dinobatkan pemenang utama Anugerah Karya Ilmiah 2015 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Buku yang bertajuk 'Kehamilan dan Kelahiran' ini memenangi anugerah karya ilmiah tinggi itu bersaing dengan karya-karya yang dihantar oleh seluruh penerbit di Malaysia kepada urusetia Majlis Buku Ilmiah, DBP, merupakan hadiah tertinggi negara dalam penulisan ilmiah berbahasa Melayu.

Menurut Nik Hazlina, buku 'Kehamilan dan Kelahiran' itu menghuraikan satu persatu berkenaan perubahan yang berlaku semasa persenyawaan, sejurus sebelum seseorang wanita itu hamil (peringkat prakehamilan), semasa kehamilan bermula dari peringkat paling awal kehamilan, seterusnya peringkat pertengahan dan peringkat akhir kehamilan.

"Dalam buku ini juga ada diberikan penjelasan berkenaan kehamilan normal dan juga kehamilan yang bermasalah mengikut peringkat kehamilan seterusnya, dibincangkan juga berkenaan proses pelahiran. Bermula dengan proses pelahiran normal dan tidak normal, iaitu pelahiran songsang dan pelahiran menggunakan alat bantuan seperti vakum dan forsep," kata Hazlina.

Buku ini amat sesuai dengan pengamal perubatan, pelajar perubatan, pelajar pergigian, pelajar farmasi, pelajar sains kesihatan, pelajar kejururawatan dan pelajar bidang pemakanan sama ada pada peringkat diploma, pra-siswazah, siswazah dan juga pasca siswazah.

"Harapan saya ialah, dengan memperoleh pengiktirafan sebegini daripada pihak DBP mampu memberikan motivasi kepada rakan-rakan akademik yang lain untuk menerbitkan buku ilmiah berdasarkan kepakaran masing-masing. Semoga buku yang diterbitkan ini boleh membantu menyebarkan maklumat kepada masyarakat terutamanya golongan terkebawah dalam memastikan mereka juga tidak ketinggalan dalam aliran maklumat kesihatan," kata Nik Hazlina.

Anugerah disampaikan oleh Menteri Besar Kedah Dato Seri Mukhriz Tun Mahathir ketika Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat Kebangsaan 2015 di Wisma Darul Aman, Alor Setar Kedah baru-baru ini. **[mprc.usm.my]**

Harapan saya ialah, dengan memperoleh pengiktirafan sebegini daripada pihak DBP mampu memberikan motivasi kepada rakan-rakan akademik yang lain untuk menerbitkan buku ilmiah berdasarkan kepakaran masing-masing.



Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Karya Ilmiah Kebangsaan kepada Profesor Dr Nik Hazlina (kanan) ketipa pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2015 peringkat kebangsaan di Wisma Darul Aman, Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

Ketelusan, integriti penting dalam kepimpinan belia



Pemimpin-pemimpin siswa-siswi bersama Timbalan Pesuruhjaya (SPRM) Pulau Pinang, Tuan Yusuf Shamsuddin (baris belakang, tujuh dari kiri), Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Dr Noreha Haji Hashim (baris belakang, lapan dari kiri) dan Pengarah Urusan EFOS REDOURCES, En Amir Shaharuddin Mohd Hassan selepas Bengkel Memperkasa Integriti Pelajar bertempat Hotel Vistana pada 10 Oktober 2015

Oleh **NIK FAIZUL HISHAM ISMAIL**

Ketelusan dan integriti dalam setiap kepimpinan persatuan USM dalam memperkasakan kepimpinan dalam golongan muda.

Menurut Timbalan Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang, Tuan Yusuf Shamsuddin, bengkel ini mampu melahirkan pemimpim yang memahami berkenaan jenayah rasuah dan menjadi contoh kepada orang lain.

"Pemimpin muda hari ini bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan dan memasuki dunia pekerjaan, maka mereka perlu mengetahui cara dan faktor yang menjurus kepada jenayah rasuah. Setiap pemimpin perlu menjaga organisasi di bawah kawalannya dan bijak menghadapi masalah yang melibatkan ketelusan dan integriti dalam berpersatuan", kata Yusuf.

"Bengkel sebegini perlu kerap diadakan untuk memberi maklumat kepada siswa-siswi USM mahupun masyarakat tentang keburukan jenayah rasuah kepada masyarakat mahupun negara", tambah Yusuf.

Bengkel tersebut turut dihadiri Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK), Dr Noreha Haji Hashim, Pengarah Urusan EFOS REDOURCES, En Amir Shaharuddin Mohd Hassan.

Menurut Pengerusi SPRUSM, Wan Syazwan Wan Mohd Azmuddin, bengkel ini memberi pendedahan cara untuk membezakan rasuah dan hadiah yang diterima. Pemimpin persatuan harus dapat mengenal pasti cara-cara untuk membenteras rasuah dalam organisasi.

"Ketelusan dan integriti dalam setiap kepimpinan adalah perlu bagi menjamin keutuhan setiap persatuan dan perlu menjalankan amanah yang diberikan dengan baik", jelas Syazwan.

Students working part time despite busy schedule

With lectures to attend, assignments to complete and commitments to fulfill, most Universiti Sains Malaysia (USM) students would not even consider adding a part time job to their already jam packed schedule. Yet, there are still a handful of students who went ahead and work.

Lily Ting, Educational Studies 4, is working as a part-time promoter at Queensbay Mall during the weekends to earn some extra money before her internship next semester.

"Juggling between work and classes can be very tiring but I need the money as I will not be paid any salary during my internship", she explained.

Lim Xiao Xian, Industrial Technology 3, has been working as a part-time contractor together with her father which requires her to travel to various shopping malls to stick posters, hang banners and install window decorations for outlets when the mall is closed.

"Ever since my father hurt himself after a nasty fall, he has been facing a lot of difficulties doing his job. So, as his only daughter, I decided to help him whenever I can", she explained.

Despite the exhausting lifestyle, these students felt that working part time has its own benefit and shaped them into a better individual.

Lim explained that her job has taught her patience and tolerance when it comes to dealing with difficult people to avoid unnecessary trouble.

Najah Zahry, Humanities 4, has noticed a significant improvement in her time management ever since she started working as a part-time barista at Espresso Lab. She believes in building her resume before graduating.

Mata MyCSD bukan keutamaan menyertai program

Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) dinasihatkan agar menyertai persatuan atau aktiviti anjuran universiti kerana minat dan bukannya sekadar mahu mendapatkan mata MyCSD tanpa menghayati iktibar daripada program tersebut.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), Profesor Dato' Dr Adnan Hussein, mata MyCSD boleh digunakan sebagai tarikan untuk sesuatu program namun begitu ianya tidak seharusnya menjadi keutamaan program tersebut dijalankan.

"Mata MyCSD boleh digunakan untuk menarik siswa-siswi dalam menyertai sesuatu program kerana ianya juga merupakan perkara yang penting dalam mendapatkan desasiswa. Namun begitu, siswa-siswi harus menyertai program kerana minat dan bukan semata-mata untuk mata MyCSD", jelas beliau.

Tambah Adnan, siswa-siswi seharusnya mementingkan nilai dan ilmu yang bakal mereka dapat daripada program tersebut dan menggunakan ilmu tersebut untuk kebaikan pada masa hadapan.

Menurut Penolong Pengarah Kanan Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA), Zulkifli Che Hussin, siswa-siswi seharusnya melibatkan diri mereka dengan program yang mampu membangunkan sahsiah diri dan yang boleh mereka gunakan pada kendian hari nanti.

Siswa Desasiswa Cahaya Gemilang perlu tingkat usaha makmurkan surau

Siswa Desasiswa Cahaya Gemilang (CG) perlu tingkatkan usaha memakmurkan surau H35 bagi menarik ramai siswa untuk beribadat di situ.

Menurut bekas Biro Kerohanian Majlis Penghuni Desasiswa Cahaya Gemilang (MPDCG), Shahril Azli Mat Isa, siswa kurang datang ke surau kerana lokasi surau yang terletak tinggi di aras empat.

"Kebanyakan siswa lebih memilih untuk solat di bilik mereka kerana tidak mempunyai kesedaran betapa besarnya ganjaran solat secara berjemaah", katanya lagi.

Tambahnya, pendedahan mengenai kelebihan solat secara berjemaah perlu diberi kepada siswa supaya mereka dapat mengetahui betapa besarnya manfaat solat berjemaah.

Sementara itu, ahli jemaah surau H35, Amirul Saufi Abd Rahim, Ilmu Pendidikan 3 berkata jumlah siswa yang datang ke surau amat sedikit dianggarkan empat hingga enam peratus dari keseluruhan siswa yang beragama Islam di desasiswa CG.

"Surau H35 ini tidak ramai siswa yang datang kerana segelintirnya pergi ke masjid dan solat di bilik masing-masing mungkin kerana faktor kesibukan dan kurangnya kesedaran solat berjemaah", katanya lagi.

Amirul berharap supaya siswa desasiswa CG dapat bersama-sama datang solat berjemaah di surau kerana untuk mengeratkan silaturrahim dalam kalangan siswa selain aktiviti sukan.

Siswa desasiswa CG, Azfar Fahemi Mohammad Asri tidak menafikan siswa desasiswa CG tidak mahu mewujudkan budaya solat berjemaah kerana lebih selesa berada di masjid.

"Siswa desasiswa CG perlu bina organisasi surau supaya aktiviti-aktiviti surau seperti bacaan hadis, amalan ziarah mingguan, bacaan yaasin dapat dilakukan secara berterusan", katanya.

Menurut beliau lagi, pembesar suara perlu diselenggara supaya bunyi lebih kuat didengari ketika azan bagi menarik siswa desasiswa CG supaya lebih ramai untuk datang ke surau.

Kebanyakan siswa lebih memilih untuk solat di bilik mereka kerana tidak mempunyai kesedaran betapa besarnya ganjaran solat secara berjemaah

PIPPA adakan kursus bersama ECC tingkatkan kecekapan pengurusan bakat

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengurusan sektor awam, para pengurusnya perlu berusaha meningkatkan kemahiran pengurusan bakat di pelbagai peringkat.

Hal ini ditegaskan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan ketika merasmikan kursus "Competencies Know How: The Foundation of Talent Management for Public Sector Employees" yang pertama kali diadakan bersama Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA) dengan kerjasama Educational Competencies Consortium (ECC) England di London, England pada 19 Oktober 2015.

Berucap mewakili Naib Canselor USM Muhamad berkata, dalam konteks ini USM melalui PIPPA menyediakan peluang meningkatkan kemahiran khusus yang diperlukan melalui kerjasama dengan rakan strategik di dalam dan luar negara selaras dengan usaha memupuk pendidikan sepanjang hayat dalam kalangan pengurus sektor awam.

Program latihan ini dihadiri oleh peserta yang terdiri dari pengurus sumber manusia dari pelbagai agensi awam antaranya dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), INTAN, Kementerian Sumber Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perbadanan Kemajuan Iktisas Negeri Kelantan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Teknologi Hijau, Tenaga dan Air, MADA, USM dan PERKESO.

Dalam program latihan tersebut selain didedahkan dengan pelbagai teknik mengenalpasti dan menguruskan kompetensi, para peserta juga berpeluang melawat dan mendengar taklimat pengurusan bakat dan bertukar pandangan bersama pegawai-pegawai pengurusan sumber manusia di Universiti Oxford.

Pada majlis yang sama, USM melalui PIPPA turut menandatangani perjanjian persefahaman dengan ECC yang meliputi kerjasama penganjuran program latihan, perundingan dan pembangunan produk pengurusan sumber manusia yang disasarkan untuk Malaysia dan negara-negara ASEAN.

Pada majlis itu, USM diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) manakala ECC diwakili oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, Julie Llyod.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein, Ketua Pegawai Eksekutif ECC, Nicholas Johnston dan Pengarah PIPPA, Dr. Musa Ali.

PIPPA adalah agensi pertama yang dipilih oleh ECC untuk mengadakan kerjasama sedemikian di luar United Kingdom. ECC merupakan agensi yang menguruskan kompetensi di 125 universiti di United Kingdom.

Menurut Musa, sejak ditubuhkan tiga tahun lalu, PIPPA telah mempunyai sepuluh rakan strategik di luar negara termasuk di Australia, Timur Tengah, Amerika Syarikat dan Eropah.

"Sehingga kini PIPPA , telah berjaya melatih 6500 kakitangan awam di pelbagai peringkat," katanya lagi. **[mprc.usm.my]**

PIPPA menyediakan peluang meningkatkan kemahiran khusus yang diperlukan melalui kerjasama dengan rakan strategik di dalam dan luar negara selaras dengan usaha memupuk pendidikan sepanjang hayat dalam kalangan pengurus sektor awam.

Chinese philosophy integrates with Islam

One might have never thought that Chinese philosophy might be useful in understanding teachings of Islam, but Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) Vice President, Haji Halim Shin believes otherwise. He preaches Chinese philosophy while relating it with Islam to form an understanding between these two different entities.

"Heaven is not guaranteed for a rich person, but it is guaranteed for people who are generous, kind and humane even though he is poor", said Haji in 'Chinese Philosophy and Islam, a bridge of understanding'.

"Chinese philosophy believes in divine decree, a mandate from heaven to the people who are noble, full of knowledge and equipped with wisdom. This is also relevant in Islam, where the divine decree was sent to Prophet Muhammad who was accepted as the man of wisdom and knowledgeable", added Halim.

According to Halim, Chinese philosophy is very rich and immensely deep which requires plenty of knowledge to understand and interpret it correctly, if not the original meanings might be misunderstood.

Halim also mentioned on Chinese civilisation where Kings and rulers were believed and respected as the highest man in society in terms of power and wealth who receives the mandate from heaven itself. He contextualised it into Islam, where most of royalties in kingdom of Islam, Kings and rulers still holds the highest place in society and the only one above them is the God himself.

"A man who are perfect are called as Insan Kamil and in Chinese philosophy outlined three criteria in achieving the status of a perfect man where one should have divine knowledge, acquired knowledge and wisdom", said Halim while interrelating the concepts of perfect man in both Islam and Chinese philosophy.

"In Chinese philosophy, one can preach to others only when they have possessed all the three criteria, where in Islam we call as tarbiyah", explained Halim.

The talk was more to an introductory session into understanding what Chinese philosophy is where 90% of the content was focusing in philosophy conceived by Confucius.

According to Halim, the only thing lacking in Chinese philosophy is they don't have wisdom on unseen reality, unseen power and unseen world such as Jin or angels. This has been widely discussed in teachings of Islam.

The talk was held in Kompleks Eureka on 10th October in collaboration with Pusat Islam Universiti Sains Malaysia and Hidyah Centre Pulau Pinang, which sees 50 participants from different ethnicities.

Forum beri input berguna bantu mualaf

Oleh **MOHAMMAD FAKHRI BADLISHAM**

Forum Hijrah Menuju Hidayah sempena sambutan Maal Hijrah 1437 yang bertempat di Masjid Al-Malik Khalid Universiti Sains Malaysia (USM) telah memberikan input yang berguna kepada siswa-siswi USM untuk membantu golongan yang baru memeluk agama Islam.

Forum yang disampaikan oleh wakil daripada Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) Johari Yap, Presiden Infaq Kebajikan Ummah Takaful (MyIkut) Azley Stanley, Pakar Perundingan IR Consultation & Training (IRCT) Irman Kang dan turut disertai oleh Ustaz Abd Malik Abdullah sebagai moderator telah memberikan gambaran sebenar tentang masalah yang dihadapi oleh golongan mualaf dan usaha-usaha yang diperlukan bagi membantu golongan itu berdasarkan pengalaman peribadi masing-masing.

Berdasarkan pengalaman daripada ahli-ahli panel, cabaran yang dihadapi oleh golongan mualaf dapat dibahagian kepada cabaran dalaman dan cabaran luaran seperti disisihkan oleh ahli keluarga, proses menyesuaikan diri dengan suasana baru, penerimaan masyarakat yang mempertikaikan tujuan mereka memeluk Islam, tentangan daripada keluarga dan bantuan yang ditawarkan dari segi kewangan, pekerjaan serta tempat tinggal.

Menurut penceramah, Azley Stanley, kehidupan sebagai seorang mualaf memerlukan kesabaran yang tinggi dalam menempuh pelbagai cabaran dalam kehidupan dan membimbing mereka adalah tanggungjawab kepada keseluruhan ummah.

"Seorang mualaf memerlukan seseorang yang beragama Islam untuk berada di samping mereka bagi membimbing agar tidak tergelincir daripada ajaran Islam. Keperluan bimbingan kepada saudara baru boleh dilihat dari segi memberi asas pengetahuan ajaran Islam, motivasi dan semangat untuk mereka menjalani kehidupan seharian sebagai seorang Muslim," kata Azley.

Johari Yap pula menyimpulkan bahawa dalam keadaan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh golongan mualaf ketika ini, mereka memerlukan tahap keimanan yang kukuh bagi mengelakkan pemesongan akidah hingga menyebabkan golongan seperti ini kembali kepada cara hidup yang asal.

"Bimbingan kepada saudara baru perlu diberikan perhatian yang serius. Dalam menfokuskan kepada sudut bimbingan, amar makruf nahi mungkar merupakan perkara asas dalam memberikan pendidikan kepada golongan seperti ini. Ini kerana kedua-dua perkara tersebut menjadi syarat utama kepada umat Islam untuk mencapai kesempurnaan dan kebahagiaan hidup," ujarnya.

Irman Kang yang merupakan seorang pakar perundingan beranggapan bahawa golongan mualaf perlu diperkukuhkan dari segi ekonomi untuk membolehkan mereka bersaing dan tidak berasa seperti dipinggirkan.

"Umum selalu beranggapan bahawa dengan memeluk agama Islam, mereka akan menjadi sengsara dan terpaksa merempat meminta pertolongan. Sepatutnya keadaan sebegini tidak berlaku sebab kita ada banyak institusi yang mampu menjaga mereka. Tetapi masyarakat tidak boleh mengharapkan institusi-institusi ini semata-mata. Tolonglah sekadar kemampuan kita kerana walaupun kecil dan tidak seberapa di mata manusia, tetapi ia merupakan amal jariah yang mulia di sisi Allah SWT," kata Irman.

Terdahulu, sambutan Maal Hijrah yang bermula jam 6.30 petang pada 13 Oktober 2015 itu dimulakan dengan bacaan tahlil dan doa akhir tahun 1436 Hijrah dibacakan sebelum tibanya waktu solat Maghrib.

Kemeriahan majlis yang dianjurkan oleh Pusat Islam USM (PIUSM) ini diteruskan dengan solat Maghrib dan bacaan doa awal tahun 1437 Hijrah secara berjemaah yang diketuai oleh Ustaz Razin Rosli ketika malam menjelang tibanya bulan Muharram.

Hadir sama pada majlis tersebut adalah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Dato' Dr Muhamad Jantan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dato' Dr Adnan Hussein dan warga Pusat Islam USM.

Mohd Aizat Ismail, Sains Kemasyarakatan 3, yang merupakan peserta berpendapat bahawa forum yang dianjurkan PIUSM ini dapat memberikan impak dan kesedaran yang besar kepada ummah agar bersama-sama berganding bahu dalam membantu golongan yang baru memeluk agama Islam.

"Saya berasa teruja dengan forum seperti ini. Ia mempunyai kelainan dan sangat tepat dengan tema Maal Hijrah tahun ini. Dengan menampilkan golongan seperti mereka, kita dapat mengetahui cabaran-cabaran yang sebenarnya dihadapi oleh saudara baru dan seterusnya menyedarkan kita untuk sama-sama bersatu membantu mereka," ujarnya.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan solat Isyak secara berjemaah dan jamuan ringan sebelum bersurai.

Cuci tangan cara mudah elak jangkitan

Bagi menjayakan matlamat dan menyahut seruan sempena Hari Cuci Tangan Sedunia (HCTS), Kampus Sejahtera Universiti Sains Malaysia (KSUSM) telah mengadakan taklimat kesihatan tentang cara mencuci tangan dengan betul kepada siswa-siswi USM.

Menurut Pengarah Projek, Zuriah Gobil, taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Sejahtera USM (PSUSM), Dr. Normala Abdul Wahid bertujuan meningkatkan kesedaran tentang manfaat mencuci tangan dalam meningkatkan kualiti kesihatan.

"Program yang dianjurkan oleh Kluster Kesihatan Kampus Sejahtera dengan kerjasama Pusat Sejahtera USM ini menjadi platform kepada kami untuk memberikan kesedaran kepada siswa-siswi dan menggalakkan mereka menjadikan amalan mencuci tangan sebagai budaya dan kehidupan harian," kata beliau.

"Menjaga kebersihan tangan adalah langkah terbaik dan mudah untuk mencegah jangkitan penyakit dan penyebaran kuman. Ini kerana tangan adalah antara anggota tubuh yang sering bersentuhan dengan banyak organisma halus, sama ada bakteria, virus atau alga," tambahnya lagi.

Menurut seorang peserta taklimat, Nurul Shahirah Shahidan, Ilmu Kemanusian 1, terdapat banyak input berguna yang telah diperolehi setelah menghadiri taklimat ini.

"Saya jarang mencuci tangan malah lebih selesa membasahkan tangan dengan air sahaja tanpa menggunakan sabun tetapi setelah mendengar taklimat ini, saya akan cuba menjadikan amalan ini sebagai rutin harian," katanya.

Taklimat yang dihadiri 715 siswa-siswi ini turut disertai Pegawai Penyelidik Sosial Sekretariat Kampus Sejahtera, Abdul Syafiq Ramlan. HCTS adalah kempen global yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada setiap 15 Oktober dengan kerjasama organisasi-organisasi kerajaan dan swasta untuk menggalakkan amalan mencuci tangan dalam usaha menurunkan jumlah kematian dan mencegah penyakit melalui sentuhan.

Kluster Agrokultur perkenalkan teknologi pertanian

Oleh **NUR SHAHIDATUL SHAHIRA ZAKARIA**

Kluster Agrokultur di bawah Kampus Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM) menganjurkan satu diskusi yang bertajuk Kemajuan Teknologi Pertanian di Negara Membangun yang bertempat di kafe Desasiswa Aman Damai, 13 Oktober lalu.

Diskusi yang berlangsung selama satu jam itu dikendalikan oleh Muhammad Farlissa Mohd Amdan, Perumahan, Bangunan dan Perancangan 2, yang disertai oleh 195 siswa-siswi.

"Diskusi ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada siswa-siswi USM tentang teknologi baru yang digunakan dalam bidang pertanian di negara-negara yang membangun", kata Farlissa.

Menurut Farlissa, semasa sesi diskusi, beliau menyatakan beberapa contoh teknologi pertanian, jenis tanaman untuk masa hadapan, kesan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian, kepentingan melakukan aktiviti pertanian dan cara-cara penanaman yang betul.

Tambahnya lagi, pelbagai teknologi telah digunakan di negara membangun, antaranya teknologi rumah hijau, robot ladybird, teknologi nano dan tanaman dalam bangunan contohnya di negara Jepun.

"Saya memperkenalkan kepada siswa-siswi jenis tanaman untuk masa hadapan seperti Sill Farm, Desk Farm dan Light Farm. Sill Farm ialah tanaman yang biasanya ditanam di apartmen, manakala Desk Farm ialah tanaman dalam meja. Tanaman akan diletakkan di dalam meja yang berhampiran dengan tingkap untuk mendapatkan cahaya matahari. Light Farm ialah tanaman yang menggunakan lampu LED sebagai sumber cahaya", katanya lagi.

Menurutnya lagi, penggunaan teknologi pertanian bagi negara membangun dapat meningkatkan hasil pengeluaran tanaman. Kawasan tanaman juga yang tidak terhad kerana aktiviti pertanian dapat dijalankan di dalam rumah. Persaingan untuk mendapatkan teknologi nano berlaku antara negara Belanda, Taiwan dan Jepun. Siswa-siswi perlu tahu serba sedikit mengenai pertanian dan teknologi-teknologi yang diguna pakai oleh negara membangun supaya tidak ketinggalan dalam arus kemajuan negara.

Sejahtera Walk budayakan gaya hidup sihat



BERPUAS HATI... Pengarah Projek, Muhammad Amirul Syafiq Abdul Hamid (dua dari kanan) bersama Ketua Kluster Kesihatan, Hassan Azhar Mohamad Noor (tiga dari kanan) berpuas hati dengan hasil kutipan sampah seberat 21 kg sepanjang Sejahtera Walk berlangsung.

Membudayakan gaya hidup yang sihat dan menerapkan amalan menjaga kebersihan kampus dalam diri siswa-siswi adalah objektif utama program Sejahtera Walk yang diadakan di sekitar Universiti Sains Malaysia (USM), 13 Oktober yang lalu. Program Sejahtera Walk ini dianjurkan oleh Kluster Kesihatan di bawah Kampus Sejahtera USM dengan kerjasama Pusat Sejahtera USM.

Ketua projek, Muhammad Amirul Syafiq Abdul Hamid berkata, selain membudayakan gaya hidup yang sihat, program tersebut juga mengajak siswa-siswi untuk bersama-sama membersihkan kawasan sekitar kampus dan memupuk budaya kerjasama antara satu sama lain.

"Program ini bermula dengan pendaftaran para peserta, senaman tai chi, taklimat, dan peserta dipecahkan kepada dua kumpulan untuk berjalan dan membersihkan kawasan sekitar USM", kata Amirul.

"Saya berharap agar budaya membersihkan kawasan kampus dipupuk dalam diri siswa-siswi USM dan bukan hanya setakat program berlangsung sahaja tetapi berterusan sampai bila-bila", kata Amirul lagi.

Ketua Kluster Kesihatan, Hassan Azhar Mohamad Noor berkata dalam Kampus Sejahtera terdapat enam kluster iaitu kesihatan, agroklutur, air, kecekapan tenaga, zero waste, dan biodiversiti.

"Semoga warga kampus USM dapat menyokong aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Kampus Sejahtera pada masa akan datang secara tidak langsung dapat mempromosikan budaya menjaga kebersihan kepada masyarakat luar", kata Hassan.

Menurut Hassan, seramai 480 siswa-siswi menyertai program Sejahtera Walk dan sebanyak 21kg sampah berjaya dipungut.

Program Kluster Kecekapan Tenaga guna pendekatan *speaker corner*

Kampus Sejahtera menganjurkan Program Kluster Kecekapan Tenaga menggunakan pendekatan speaker corner untuk menyampaikan maklumat mengenai kelestarian tenaga dengan lebih dekat kepada siswa-siswi baharu.

Menurut pengarah projek, Dania Ezzatul Afiqah Zolkifli, beliau menggunakan pendekatan *speaker corner* kerana dilihat mampu memberikan input kepada siswa-siswi tanpa perlu mereka mencari maklumat di internet.

"Pendekatan ini kerana pendekatan ini dapat memberikan input yang lebih banyak secara spontan dan siswa-siswi tidak perlu bersusah-payah mencari maklumat dan sumber di dalam internet", jelas Dania.

Tambahnya lagi, terdapat dua program berbeza di bawah Kluster Kecekapan Tenaga yang mempunyai matlamat yang sama iaitu speaker corner dan diskusi kelestarian.

"Diskusi kelestarian berbentuk bual bicara dan perbincangan dan dilakukan dengan lebih santai. Walaupun berbeza pendekatan, namun matlamat kedua-dua program ini tetap sama iaitu memberikan maklumat terkini tentang perihal penjimatan tenaga dan juga berkongsi ilmu selaras dengan tema kami iaitu kelestarian tenaga", jelas Dania lebih lanjut.

Menurut Diana, matlamat utama program ini adalah ke arah penjimatan tenaga dalam kalangan siswa-siswi kerana penjimatan elektrik dilihat membantu mengekalkan keseimbangan alam semula jadi. Mereka juga memberi tips bagi menjimatkan tenaga elektrik melalui penggunaan barangan elektrik yang cekap tenaga.

Menurut exco publisiti, Affifatun Najmi Mohamad Tamizi, program itu membantu beliau mengetahui lebih lanjut penjimatan tenaga dan mengekalkan kelestarian.

"Melalui program ini, saya dapat mengetahui dengan lebih lanjut cara mengurangkan kos elektrik dan sumber tenaga yang boleh digunakan selain elektrik. Saya turut mendapat maklumat cara mengekalkan kelestarian daripada pelbagai aspek daripada kluster-kluster lain seperti zero waste", jelas Affifatun.

‘3shaw’ project to benefit trishaw riders

The ‘3shaw’ project is carried out by Enactus Universiti Sains Malaysia (USM) and collaborating with the trishaw riders in Penang to improve the livelihood of trishaw riders.

Recently, Enactus USM got the second best idea for the project in My Unirocks 2015 that was organised by IM4U. The theme of the project is The Wonders of Trishaws: Better Than What You Know.

According to the project director, Yong Chee Yan, Enactus thinks that they have the responsibility to improve the standard of living and the livelihood of the trishaw riders in Penang. After done their assessment in George Town, they found the trishaw riders and their bosses are facing economic problems.

“Through this ‘3shaw’ project, we want to help the trishaw riders to beautify their trishaws in order to help them to increase their income and awareness among the public in preserving the culture of trishaws in Penang. We want to empower the trishaw riders economically and socially by giving a new breath to the culture of Penang to attract more tourists”, Yong explained.

Yong also said that this programme will be carried out in few stages. They will carry out surveys and interviews among the trishaw riders, locals and foreigners and analyse the data. After that, they will organise an awareness campaign within USM and other locations such as Penang Times Square and Armenian Street on November. They will also collect some recyclable materials.

For the third stage, they will decorate and clean the trishaws in George Town which involved Enactus’s members and volunteers from USM and also organise a workshop on repairing the trishaws for the trishaw riders. Enactus will also conduct a class to teach the trishaw riders about the basic manners and English.

They will organise a workshop on repairing the trishaws for the trishaw riders. Lastly, they will collaborate with the Penang tourism agencies to promote trishaws.

“We will organise a design competition in USM and the best drawing will be used to decorate the trishaws. To save the cost of decoration, we prefer to use the recycle materials in decorating the trishaws”, Yong added on.

Through this ‘3shaw’ project, we want to help the trishaw riders to beautify their trishaws

USM bantu lonjak Hutan Bakau Merbok dalam Rizab Biosfera UNESCO

Sekumpulan penyelidik dari Universiti Sains Malaysia (USM) sedang giat menyiapkan dosir bagi membolehkan Hutan Paya Bakau Merbok dapat diwartakan sebagai Rizab Biosfera Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Melalui kajian USM selama lebih empat dekad, Hutan Paya Bakau Merbok terbukti mempunyai keunikan tersendiri termasuk mengandungi kepelbagaian spesis bakau tertinggi di dunia dalam satu kawasan yang kecil, hanya dalam keluasan 4,000 hektar.

Cadangan mewartakan khazanah emas negara yang dibuat dengan usahasama kerajaan negeri Kedah itu kini sedang dalam proses akhir pengemaskinian data dan dokumentasi.

Penulisan dosir dijangka dapat dikemukakan kepada UNESCO selewat-lewatnya Januari tahun depan.

Projek yang diketuai Pengarah Pusat Inisiatif Penyelidikan Sains Hayat, Profesor Dr. Siti Azizah Mohd Nor itu disifatkan melengkapi pakej pelancongan negeri Kedah, yang turut memuatkan kejayaan penemuan Tamadun Kedah Tua, juga oleh penyelidik arkeologi terkemuka USM, Profesor Dato’ Dr Mohd Mokhtar Saidin.

Mokhtar yang berpengalaman menempatkan tapak arkeologi Bukit Bunuh, Lenggong yang menemukan tamadun awal peradaban manusia dalam senarai tapak warisan dunia UNESCO juga akan berperanan dalam penyediaan dosir berkenaan.

Siti Azizah berkata, terdapat lebih dari 32 spesis pokok bakau di Merbok, antaranya yang telah terancam teruk seperti spesis berus mata buaya (*Bruiguiera hainseii*), gedabu (*Sonneratia ovata*), berembang (*Sonneratia caseolaris*) dan sebagainya.

“Sudah tiba masanya kawasan ini diwartakan kerana jika tidak, negara berdepan dengan kehilangan paya bakau yang akan mengakibatkan kerugian yang amat besar kepada negara.

“Kumpulan penyelidik kita juga telah tampil dengan pelan strategik jangka pendek dan panjang untuk memelihara kawasan ini, termasuk menjadikannya kawasan eko-pelancongan yang lestari,” katanya.

Beliau ditemubual selepas mengadakan pembentangan khas dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pewartaan Hutan Simpan Bakau Sungai Merbok sebagai Rizab Biosfera UNESCO di Pulau Pinang pada 19 Oktober 2015. Mesyuarat dipengerusikan Menteri Besar Kedah, Dato’ Seri Mukhriz Mahathir.

Mukhriz dalam pada itu turut mengumumkan, kerajaan negeri akan memberi sokongan penuh ke arah melestarikan kawasan tersebut, selain komited dalam membantu menaikkan aktiviti sosio-ekonomi masyarakat setempat.

Beliau juga berkata, pihaknya amat berpuas hati dengan laporan kemajuan kerja pewartaan Hutan Paya Bakau Merbok dan menyifatkan kajian USM akan memberi manfaat dan impak cukup besar kepada pembangunan negeri Kedah.

Siti Azizah juga berkata, pewartaan Hutan Paya Bakau Merbok juga akan melonjakkan hasil penyelidikan saintis negara termasuk penyelidikan Lembah Bujang dan Sungai Merbok ke persada antarabangsa.

Mengulas keistimewaan mega biodiversiti di situ, katanya, Hutan Paya Bakau Merbok juga mempunyai ekosistem yang amat baik dan membekalkan sumber makanan kepada fauna, selain menjadi zon penampan kepada tsunami dan hakisan.

Selain itu katanya, pokok bakau juga berupaya menjadi sumber semulajadi dalam kawalatur suhu (pemanasan global), nurseri udang dan ketam dan sebagainya.

“Keadaan semasa dilihat semakin mengancam Hutan Paya Bakau Merbok dan langkah proaktif perlu diambil segera dan pewartaannya sebagai Rizab Biosfera UNESCO adalah langkah terbaik dalam memelihara khazanah yang tiada bandingannya ini.

“Jika diwartakan, kawasan ini akan melalui satu proses pemuliharaan yang melibatkan pembangunan mapan, usahasama komuniti dan pendekatan sains yang membolehkannya kekal terpelihara dan mempunyai daya penarik eko-pelancongan,” katanya.

Tambah beliau, antara manfaat lain yang diperoleh termasuk mengekalkan Kedah sebagai lokasi bakau berdiversiti, Hutan Paya Bakau Merbok sebagai makmal hidup antarabangsa dan meningkatkan aktiviti sosio-ekonomi masyarakat setempat.

Mukhriz dalam pada itu turut mengumumkan, kerajaan negeri akan memberi sokongan penuh ke arah melestarikan kawasan tersebut, selain komited dalam membantu menaikkan aktiviti sosio-ekonomi masyarakat setempat.

Beliau juga berkata, pihaknya amat berpuas hati dengan laporan kemajuan kerja pewartaan Hutan Paya Bakau Merbok dan menyifatkan kajian USM akan memberi manfaat dan impak cukup besar kepada pembangunan negeri Kedah.

[mprc.usm.my]

Sudah tiba masanya kawasan ini diwartakan kerana jika tidak, negara berdepan dengan kehilangan paya bakau yang akan mengakibatkan kerugian yang amat besar kepada negara.

Siswa-siswi tonjol bakat reka cipta raih kemenangan

Kumpulan S.M.F.E telah memenangi Pertandingan Reka Cipta dengan mencipta Emergency Car Escape Tool untuk menyelamatkan nyawa mangsa kemalangan. Rekaan tersebut boleh digunakan semasa mangsa terperangkap di dalam kereta sama ada di dalam air atau kemalangan biasa dengan cara mangsa memotong tali pinggang keledar dan memecahkan cermin untuk keluar dari kereta.

Menurut ketua kumpulan S.M.F.E, Khor Li Siang, Emergency Car Escape Tool boleh digunakan dalam kehidupan seharian pengguna dengan melekatkan pada penyaman udara kereta dan menggunakannya sebagai pewangi kereta. Ketika kecemasan, alat tersebut mudah dikesan kerana bercahaya dalam gelap dan pengguna boleh ambil lalu memotong tali pinggang keledar dan pecahkan cermin kereta untuk keluar.

“Rekaan ini boleh didapati dalam pelbagai warna dan bentuk yang menarik serta boleh digunakan sebagai keychain. Pelbagai formula telah digunakan dan terbukti bahawa rekaannya kalis gegaran dan hanya menggunakan tenaga serendah 0.4 newton. Ia juga dilengkapi dengan wisel bagi memudahkan pengguna meniup dan menarik perhatian orang awam bagi meminta bantuan”, kata Khor.

Menurut salah seorang peserta kumpulan S.M.F.E, Reduan Hashim, idea tercetus hasil tunjuk ajar pensyarah Dr Mohd Salman Abu Mansor yang banyak berkongsi ilmu dalam hal reka cipta dan memberikan semangat untuk terus bersaing dengan kumpulan lain dalam pertandingan tersebut.

Walaupun pada awalnya mereka menghadapi sedikit masalah mencipta alat yang memenuhi tema pertandingan.

“Saya sangat bersyukur dengan kemenangan ini dan berterima kasih kepada pensyarah pembimbing dan penasihat pertandingan yang banyak membantu kumpulan kami sehingga menjadi juara serta rasa sangat bertuah dapat mengharumkan nama USM dengan kemenangan ini”, kata Reduan.

Kumpulan S.M.F.E adalah siswa-siswi dari Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) jurusan Kejuruteraan Mekanik tahun 3 berjaya menewaskan cabaran sembilan kumpulan lain.

Seramai 10 kumpulan yang dianggotai tiga orang peserta bagi satu kumpulan telah menyertai pertandingan tetapi hanya sembilan kumpulan masuk ke pertandingan peringkat akhir

Pertandingan Reka Cipta anjuran IME Technology Sdn. Bhd Peringkat Kebangsaan tersebut telah berlangsung di Malaysia Global Inovation Creating Centre (MaGIC) Cyberjaya pada 1 Oktober yang lalu.

Ia menawarkan hadiah wang tunai bernilai RM5,000 kepada juara pertandingan. Pertandingan tersebut bertemakan Solution for Natural Disaster or Accidents bertujuan mencipta produk baru yang dapat membantu masyarakat semasa bencana alam atau kemalangan.

Pertandingan tersebut terbuka kepada semua siswa-siswi di seluruh Malaysia dengan syarat mereka tahu menggunakan Computer Aided Drawing (CAD Programmer) seperti Solidwork dan Catia. Ia untuk menguji kebolehan peserta berfikiran secara kreatif dan kemahiran dalam menggunakan perisian komputer untuk mereka cipta produk yang bermanfaat kepada masyarakat.





Jerejak - The forgotten island

Do you know that before Francis Light made his journey to Penang in 1786 he stepped foot in Jerejak Island first? Do you also know that the there were two bodies of Russian sailors washed ashore on Jerejak Island during the Battle of Penang? Or that there used to be hospitals, quarantine centre and also a prison on that historic isle? Jerejak has also once housed patients of leprosy, a quarantine centre, and later, a penal colony. That was how Jerejak had been doing its part in maintaining the well-being of her Malaya from harm back in the days – be it from contagious diseases or even dangerous criminals. Penang, in particular, would not be as glorious as it is today if it for the sacrifices made by Jerejak Island.

Legend has it that the name Jerejak was given to the little island, which is located next to Penang Island, by local fishermen who used to live there. However in this modern era, long forgotten are the contributions of the historical island to the younger generations.

Before Jerejak was turned into a sanatorium for lepers, Colonel Arthur Wellesley had the idea to build Fort Cornwallis on Jerejak Island in the year 1797. The proposed idea to build a fort was to protect the new town called Jamestown (now known as Bayan Lepas) during that period. Sadly, things did not go as planned because George Town was growing as a profitable port and a military base was no longer needed.

In 1872, British turned the island into a hospital for leprosy. Leprosy, otherwise known as Hansen's disease, is a highly contagious disease that transmits easily through the respiratory system due to the ability of the bacteria, Mycobacterium Leprae, to survive in the air. Those who are infected with leprosy are known as lepers. There was no known cure for the disease in the past and this called for a drastic measure to prevent the widespread of the virus.

Lepers were quarantined and isolated from the public to prevent it from spreading further. Jerejak was chosen due to its strategic location which is far from the public's view. Lepers who were placed on the isle might have been depressed and lonely as they were separated from the outside world while aimlessly waiting for death.

A quarantine centre was set up at Jerejak in 1910 and the establishment of the centre was to control the infectious diseases from spreading as during that time, Penang was swamped by immigrants mostly from China and India. This was because, Francis Light, the founder of Penang, provided them with opportunities to cultivate the land and work in Penang. Most of them worked at plantations and were also involved in agricultural activities on the land which was provided to them. However, the immigrants who wish to enter Penang will have to undergo a medical test in the quarantine centre to ensure that they are free from contagious diseases such as smallpox, cholera, plague, tuberculosis (TB) and leprosy.

After Jerejak underwent leprosy and became a quarantine centre for the immigrants, it witnessed the Battle of Penang which happened after the outbreak of World War I in 1914. According to Dr John Robertson in his book, The Battle of Penang, which was published in 2012, Penang harbour was a principal British port and used to ship cargo, merchandise and military personnel and equipment between East Asia and Britain at that time. The harbour was also used by French and Russian who were allied with the British.

A light cruiser Seine Majistats Schiffe (SMS) from Germany, Emden, was given the mission to spy on allied shipping and surely, Penang harbour became one of its targets. Aided by the lax in security at Penang harbour, it successfully moved through the narrow 'roadway'- the channel between Penang and the mainland without notice. It destroyed the Russian battleship, Zhemtchug, which was gently resting at anchor by using two torpedoes and caused the loss of 89 lives. At last, the dead sailors were buried at the Western Road Cemetery on Penang Island. Although the battle happened a long time ago, the aftermath of the battle can still be seen on Jerejak today.

In 2005, the local residents found the two graves on Jerejak Island by chance which belonged to the two crew members of Zhemtchug. Dr John Robertson explained that after Zhemtchug broke into two parts and sunk, dead bodies were still being washed ashore. The incoming tide carried the two bodies to the southern tip of Jerejak Island and they were later found by the local fishermen and buried by the shore. Even after 91 years since the accident, the graves were overlooked by society.

In 2007, funds were provided by the Russian Government and the graves of the two Zhemtchug sailors were properly cleared and landscaped. The Russian naval authorities have always paid their respect on an annual basis in the commemoration, at the grave-side of their fallen countrymen at the Western Road Cemetery in Penang and the Russian memorial on Jerejak Island. Since the raid happened on 28th October 1914, the commemoration is held on the date annually by the Russian Ambassador and the Russian community.

Chan menambah KKF bukan hanya terbuka kepada siswa-siswi berbangsa Cina sahaja tetapi amat mengalu-alukan ahli yang bukan berbangsa Cina.

Selain itu, ahli KKF juga mempunyai peluang untuk mempersembahkan bakat mereka pada Malam Kung Fu. Malam Kung Fu ialah aktiviti tahunan yang paling penting bagi KKF.

Menurut Pengarah Projek MMKF, Koh Su Kee, KKF telah dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu shaolin, taiji, naga dan singa, wushu, serta gendang.

Walaupun mereka telah dibahagi kepada lima bahagian, tetapi mereka tetap berada di bawah satu keluarga yang besar.

"Selepas menyaksikan persembahan mereka pada malam ini, saya berasa semua persembahan tersebut memerlukan latihan yang lama dan ketabahan yang kuat. Ini kerana semua ahli KKF telah menunjukkan kegigihan mereka untuk mengekalkan tradisi kung fu supaya dapat dikekalkan secara turun-temurun. Semua persembahan juga memerlukan kerjasama dan persefahaman antara ahli KKF", kata Yeoh Shi Yin, Sains Kajihayat 2.

Saya juga sedia maklum bahawa bukan semua penonton pada malam ini datang untuk menyertai KKF tetapi untuk mendapatkan mata MyCSD. Walau bagaimanapun, saya harap mereka mempunyai niat untuk menyertai KKF selepas menonton persembahan pada malam ini.

Pembikin filem tempatan perlu berpandangan jauh

Oleh **CHRISTINA YONG ZI XIN**



Datuk Ainul Jamal (empat dari kiri) memberi cenderamata kepada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi USM, Profesor Dato' Dr Muhamad Jantan (tiga dari kiri), diiringi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dato' Dr Adnan Hussein (kiri), diikuti Pengarah Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, Zolkurnian Hassan, Profesor Madya Haji Inon Shaharuddin (kanan), diikuti isteri Datuk Ainul Jamal, Datin Azirah Daud dalam perasmian pameran.

Seniman Malaysia, Datuk Ainul Jamal menyeru pembuat filem tempatan agar berpandangan jauh dan menghasilkan filem yang mampu kekal selamanya.

"Filem dan lagu adalah media untuk mendidik masyarakat. Namun, filem-filem kini dihasilkan tanpa berfikir panjang. Contohnya, *KL Menjerit*. Bahasa yang digunakan adalah berbeza dengan budaya Melayu. Filem tempatan tidak seharusnya mengambil aspek gangster sebagai cerita tetapi menggunakan aspek perwira seperti bomba, guru sekolah dan perwira udara dalam filem", katanya dalam bual bicara.

"Pada masa dahulu, kami tidak mempunyai teknologi yang canggih, dan hanya menggunakan mesin taip untuk menulis skrip. Syarikat perfileman pula hanya mempunyai satu kamera besar iaitu Bolex 16mm", jelas beliau.

Menurutnya lagi, sebelum menulis skrip filem, beliau perlu membayangkan babak-babak dalam cerita seperti *Masam-masam Manis*. Beliau membayangkan bilik Cikgu Shaari beberapa kali dan juga bilik Norkiah. Tempoh penggambaran yang diperlukan adalah tiga bulan dan empat tahun setengah diperlukan untuk menyiapkan sebuah filem dengan sepenuhnya. RM22,500 adalah perbelanjaan yang paling tinggi untuk menghasilkan satu filem pada masa itu.

" Allahyarham Tan Sri P. Ramlee merupakan anak angkat bapa saya. Namun, saya kenal beliau semasa saya melawat ke studio perfileman di Jalan Ampas, Singapura dan ketika itu, beliau sedang berlakon dalam filem Abu Hassan Penchuri. Saya telah memberi pendapat saya terhadap permakaian beliau dalam filem itu", tambah beliau.

Tambah beliau lagi, Tan Sri P. Ramlee pernah memintanya untuk menulis lagu yang bersifat lucu dan bersemangat. Beliau berjaya mencipta lagu Kisah Rumah Tangga yang memuaskan P. Ramlee. Lagu itu adalah lagu pertama yang ditulis oleh beliau untuk P. Ramlee.

"Idea lagu Perwira timbul ketika sekumpulan tentera diraja ingin melawat lokasi penggambaran filem Masam-Masam Manis di Studio Merdeka, Hulu Klang. Penggambaran dihentikan dan kami bersepakat mencipta lagu untuk memuaskan hati mereka. Lagu Perwira telah dirakam sewaktu penggambaran yang disaksi oleh kumpulan tentera tersebut. Mereka begitu teruja apabila lagu berkenaan dinyanyikan dan merasa lagu itu adalah untuk mereka", tambah beliau lagi.

Menurut Pengarah Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) Universiti Sains Malaysia (USM), Zolkurnian Hassan, karya-karya Datuk Ainul Jamal akan dipamerkan dalam MGTF dari 12 Oktober hingga 12 November.

Datuk Ainul Jamal ialah orang di sebalik tabir yang penting untuk Allahyarham Tan Sri P. Ramlee kerana beliau berbakat dalam penulisan skrip, mencipta lagu dan mengarah filem. *Perwira, Kisah Rumah Tangga* dan *Saat yang Bahagia* ialah lagu-lagu ciptaan beliau yang dipersembahkan oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan masih disiarkan di radio dan televisyen sehingga kini.

Inherit the essence of Chinese culture



TUNEFUL
SOC performers are performing *You're my destiny* with the guiding from the conductor.

Secretariat of Chinese Orchestra (SOC) Universiti Sains Malaysia (USM) held a welcoming night to invite all the USM students to approach the melodies of Chinese orchestra.

According to the Project Director, Ng Yee Ting, although the event was clashed with the test of Teras Keusahawanan (WUS101), some students insisted to attend the event after they finished the test. More than 250 students came to the event and the hall was completely fulled and the late comers had to sit along the staircase.

"This event aimed to acknowledge the audience about the Chinese orchestra and also welcome the students to SOC family. Besides, this is the precious chance for the SOC members to improve their skills and gain experiences from their hard work. We are also going to promote our concert which will be held on coming December to all the audience through this event", she explained.

Ng said, they had spent two months to prepare the event and luckily they didn't face any difficulties. The event ran smoothly without any interruption. However, they are going to work harder to organise a better welcoming night in future.

Nur Liyana Mohd Sukri, Arts 3, said that she knows about the Chinese musical through the Chinese drama and she is interested to join SOC. Among the musical instruments, she prefers to learn flute as the sound of the flute is more pleasant to listen.

The welcoming night was held on 8th October 2015 at Dewan Pembangunan Siswa 2 (DPS2). MyCSD point and SOC 2016 calender were given to all the attendees.

Program OSCU 3.0 asah kemahiran insaniah pelajar sekolah



Peserta OSCU 3.0 sedang mendengar taklimat di Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah. USM.

Program One Step Close to University (OSCU) 3.0 anjuran Kumpulan Anak-anak Kedah (KAKUSMA), Universiti Sains Malaysia(USM) yang bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tingkatan enam Sekolah Menengah Ayer Itam terhadap persekitaran dan gaya hidup di universiti, bidang pengajian yang terdapat di universiti dan lawatan di sekitar USM sekali gus mempromosikan USM.

Program yang diadakan pada 9 Oktober hingga 10 Oktober 2015 bertemakan ‘Tanggungjawab Intelektual Mahasiswa Membawa Perubahan’. Bagi merealisasikan program tersebut, terdapat aktiviti berbentuk ilmiah dan pendedahan bagi meningkatkan semangat mereka untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Menurut pengarah projek, para pelajar telah menjalani beberapa aktiviti secara berkumpulan. Aktiviti ini dapat memberi pendedahan dan diajar kemahiran insaniah seperti memupuk sikap saling bekerjasama, cara menghadapi masalah dan menyelesaikan masalah serta cara untuk membentangkan kerja kumpulan.

“Saya harap program sebegini wajar diteruskan lagi kerana menjadi tanggungjawab kita sebagai siswa-siswi memberi pendedahan kepada pelajar sekolah terutamanya tentang arah tuju mereka selepas tamat pengajian di sekolah. Bukan itu sahaja, program ini juga dapat membantu peserta yang masih lagi keliru tentang bidang-bidang yang ditawarkan di USM”, katanya.

Menurut Khairul lagi, beliau sangat terharu dengan kerjasama yang diberikan oleh USM sepanjang program itu berlangsung.

Program OSCU 3.0 ini adalah program siri yang ketiga yang dianjurkan oleh KAKUSMA. Sebelum ini, program OSCU siri pertama dan kedua melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Cempedak dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pokok Sena.

Bagi ahli jawatankuasa aktiviti, Mohd Hazim Adli Ramli, program OSCU itu bukan sahaja memberi pendedahan kepada pelajar sekolah tentang kehidupan di universiti malah membantu siswa-siswi yang terlibat dengan OSCU untuk mendapatkan pengalaman menguruskan program dan juga dapat memberi peluang untuk berurusan dengan pihak di dalam dan luar kampus. Program seperti ini memberi impak bukan sahaja kepada pelajar sekolah malah memberi pengalaman kepadanya.

“Saya sangat berpuas hati dengan program yang dijalankan dan lagi berpuas hati apabila mengetahui dari pelajar sekolah bahawa program OSCU 3.0 ini memberi semangat kepada mereka untuk menyambung pengajian di peringkat universiti”, katanya.

Saya sangat berpuas hati dengan program yang dijalankan dan lagi berpuas hati apabila mengetahui dari pelajar sekolah bahawa program OSCU 3.0 ini memberi semangat kepada mereka untuk menyambung pengajian di peringkat universiti.

Zero Smoke Cycle sebar kesedaran henti rokok



Peserta Zero Smoke Cycle membuat kayuhan berbasikal sambil menyebarkan mesej bahaya merokok kepada warga USM.

Oleh **NURUL ANIS ATHIRAH AJIZ**

Memberi kesedaran tentang bahaya merokok adalah tujuan utama Projek Zero Cycle yang dianjurkan oleh My Sihat di tasik Fajar Harapan Universiti Sains Malaysia (USM), 16 Oktober lalu.

Menurut pengarah Projek, Nur Husna Ismail, projek itu bertujuan menjadi platform seorang bukan perokok untuk menyuara hak mendapatkan udara yang segar.

“Matlamat projek ini adalah untuk mengurangkan kadar penghisap rokok dalam kalangan siswa-siswi dan staf universiti sebagai mendidik kesedaran dalam kalangan masyarakat dan ia salah satu objektif universiti untuk menjadikan USM sebagai kampus bebas tembakau”, jelas Husna.

“Saya berharap, melalui projek ini warga USM dapat bersama-sama merasai udara segar dan dapat berhenti merokok kepada mereka yang merokok”, kata Husna.

“Alhamdulillah program ini berjaya kerana setiap perhentian kami memberitahu bahawa USM adalah salah satu kawasan bebas tembakau dan sekiranya merokok mereka akan memberi kesan sampingan terhadap warga USM”, tambah Husna

Menurut Muhammad Zulhelmi Mohd Rasip, Ilmu Pendidikan 3, mereka mendapat kebaikan dari segi kesihatan dan dapat menyihatkan tubuh badan serta mengetahui mengenai keburukan merokok dan kawasan-kawasan larangan merokok di dalam USM.

“Saya gembira dan seronok kerana sambil mengedarkan risalah kami berbasikal mengelilingi USM untuk pergi ke setiap perhentian”, kata Zulhelmi.

Fahami alam pekerjaan sebelum bergraduasi

Siswa-siswi harus mempunyai pengetahuan tentang kerjaya selepas bergraduasi. Demi meningkatkan nilai diri dalam dunia pekerjaan, siswa-siswi harus memahami suasana pekerjaan yang sebenar supaya dapat memahami kemajuan dan keperluan pasaran terhadap sumber tenaga kerja pada masa kini.

Selaras dengan itu, Persatuan Sains Farmasi, Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia (USM) akan menganjurkan Lawatan Akademik 2015/2016 pada 12 hingga 13 November 2015.

Menurut Pengarah Projek Lawatan Akademik 2015/2016, Nur Syafiqah Alwi, lawatan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada 80 bakal graduan Pusat Pengajian Sains Farmasi kepada suasana pekerjaan ahli farmasi yang sebenar berpeluang untuk melawati syarikat ubat-ubatan di Kuala Lumpur dan Selangor.

Syafiqah berkata lawatan ini dapat membantu peserta untuk mengetahui jenis kerjaya yang layak dipohon oleh bakal graduan. Selain daripada bekerja sebagai ahli farmasi di hospital, mereka juga dapat bekerja di syarikat ubat-ubatan.

“Lawatan ini juga akan membawa siswa-siswi untuk melawat beberapa hospital yang menggunakan sistem teknologi informasi kesihatan yang hanya beroperasi dengan menggunakan komputer tanpa penggunaan kertas”, kata Syafiqah.

Untuk menjayakan lawatan tersebut, seramai 30 ahli jawatankuasa jabatan penajaan perlu menjanakan dana daripada kedai-kedai farmasi manakala ahli-ahli jawatankuasa yang lain perlu terlibat dalam beberapa aktiviti jualan. Jumlah sasaran dana mereka adalah sebanyak RM6 ribu.

USM Students Buddies anjur program teraskan budaya

Oleh **ADI YUSRAN**

USM Students Buddies di bawah seliaan Pejabat Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia (USM) akan menganjurkan lebih banyak program pada sidang akademik kali ini bagi mempromosikan budaya di Malaysia.

Menurut Timbalan Pengarah Pejabat Antarabangsa USM, Dr Ahmad Lutfi Amri Ramli, program-program yang bakal dilaksanakan akan berteraskan budaya yang terdapat di Malaysia.

"Program-program yang bakal dilaksanakan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar antarabangsa terutamanya pelajar pertukaran untuk selami dan mendekati budaya dan masyarakat di Malaysia", kata Lutfi.

"Antara program-program yang akan dijalankan adalah Coffee Hour, Coffee Hour Day and School Attack", tambah Lutfi.

Sementara itu, Presiden USM Students Buddies, Kueh Chai Wei berkata pihaknya mengharapkan lebih ramai siswa-siswi tempatan yang akan menyertai program yang bakal dianjurkan.

"Walaupun program-program ini bertujuan sebagai satu pendedahan budaya kepada siswa-siswi antarabangsa, kami juga ingin menjemput seluruh warga USM untuk turut menyertai kami terutamanya program Coffee Hour Class dan Coffee Hour Day", kata Kueh.

Warga USM boleh layari Facebook USM Students Buddies untuk maklumat lanjut mengenai program berkenaan.

Coffee Hour offers a new language

Coffee Hour is back this semester with even more languages to be offered to students. Among the languages offered is French, German, Thai, Korean, Japanese, Bahasa Melayu and the latest addition, Mandarin.

Mandarin language was introduced this semester because they were many requests from students and those who signed up for the Mandarin class will be taught by local students.

According to the Project Director of Coffee Hour, Chang Pooi Yoong, the program's aim is to introduce and expose students to different cultures from various countries as well as to foster good relationships between Malaysia and other participating countries.

For this semester, they are approximately 40 exchange students who volunteered as teachers of their own native language in this program with Japanese language having the most volunteers participating.

"There are no special requirements needed for the teachers to teach; as long as they are passionate to volunteer themselves in this program," said Chang.

Chang also stated that usually the most popular language among students is the Korean and Japanese language.

They will be no final exam in this language learning program and students who are interested will only need to pay a small fee of RM5.

Chang said that the activities that will be conducted during the teaching session would depend on the teachers as some would prefer to do cultural activities while some will only be teaching their native language.

"I found this program interesting because I am an exchange students and I would love to exchange my culture and language with the locals so I decided to take part," said a Japanese exchange student from Kyoto University of Foreign Studies, Masanobu Kashima.

Another Korean exchange student from Chonnam National University, Kim Ji Soo, also said that he joined this program because he thinks that Malaysians always view Korea in a positive way and that he would like to make new friends with the locals here.



German language teachers, from the left, Sophie Emperhoff, Simon Wasser, and Sebastian König giving a brief introduction in their own mother tongue and also in English during the general briefing which were held on 5th October 2015 at Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan 1.

Suksis Buskers mengorak langkah dalam arena nyanyian

Kumpulan Suksis Buskers Universiti Sains Malaysia (USM) ditubuhkan pada awal tahun 2015 yang terdiri daripada 2 vokalis, 2 pemain gitar dan seorang pemain cajon.

Menurut vokalis kumpulan tersebut, Ahmad Fuad, kumpulan itu ditubuhkan untuk menyertai Pertandingan Akustika Cahaya Gemilang (CG) 2015 dan nama Suksis Buskers diambil sempena ahli anggota mereka yang terdiri daripada ahli Suksis.

"Kumpulan kami bukan sahaja berkawad, tetapi kami membawa kelainan dalam bidang nyanyian sehinggalah tertubuhnya Suksis Buskers. Lagipun tiada unit beruniform lain yang menubuhkan kumpulan buskers", katanya

"Selepas kami menyertai pertandingan Akustika CG dan memperoleh tempat ke-3, Alhamdulillah kami banyak mendapat jemputan untuk mengadakan persembahan dan ini merupakan salah satu penghargaan buat kami", jelasnya.

Potret daripada Akim dan Majistret dan Hanya Aku daripada Hyper Act antara lagu yang sering mereka persembahkan dalam setiap jemputan.

"Buat masa sekarang kami masih lagi belum terfikir untuk mencipta lagu ciptaan sendiri", tambahnya lagi.

Menurut gitaris Suksis Buskers, Shazid Khan pula, mereka mendapat jemputan pertama daripada Perkumpulan Mahasiswa/i Terengganu (PERMATA) tetapi kumpulan itu menolak tawaran tersebut kerana mahu fokus pada Akustika CG.

"Saya berharap agar kumpulan Suksis Buskers ini dapat bergerak ke hadapan lagi dalam bidang nyanyian", jelasnya.

Karnival Pakat Mai Aman Damai (PAMAD), Malam Junjungan Budi Desasiswa Aman Damai dan Makan Malam Permuafakatan Siswa/i Felda (PERSADA), antara jemputan yang dihadiri oleh mereka untuk membuat persembahan.



SUKSIS Buskers bukan hanya aktif berkawad malah mempunyai bakat dalam nyanyian.

Atlet ping pong wanita rangkul pingat gangsa

Pasukan ping pong Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya membawa pulang pingat gangsa dalam acara perseorangan wanita dalam Kejohanan Ping Pong IPT 2015, Sirkit 2.

Low Wai Ting berjaya membawa pulang RM150 dan pingat gangsa sekaligus mengharumkan nama USM.

Pasukan perseorangan wanita berjaya merangkul tempat ketiga hasil kejayaan menewaskan pasukan Universiti Teknologi Petronas (UTP) dengan mata kemenangan 3-1. Namun, pasukan USM terpaksa akur apabila tewas menentang pasukan Universiti Sunway.

Menurut beliau, kejayaan tersebut adalah kerana bermain dengan penuh keyakinan dan semangat yang kuat untuk menaikkan nama USM.

"Saya menggunakan teknik pukulan kilas dan membiarkan pasukan lawan bergerak dengan kerap. Dengan ini, mereka akan mudah letih", jelasnya

"Namun, keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan serta kelincahan pasukan lawan dalam permainan menyebabkan saya kecundang di peringkat separuh akhir", tambahnya lagi.

Menurut pengurus pasukan USM, Fadzley Hassan, beliau berbangga dengan pencapaian pasukan ping pong yang mendapat tempat ketiga tersebut walaupun tidak muncul sebagai juara.

"Saya berharap sukan ping pong terus bersinar di masa hadapan dan mendapat sokongan dari semua pihak", katanya.

Kejohanan kali ini terbahagi kepada lima acara iaitu campuran, perseorangan lelaki, perseorangan wanita, bergu lelaki dan bergu wanita.

Kejohanan ping pong ini berlangsung pada 1 hingga 5 Oktober di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Berita Kampus seterusnya akan diterbitkan pada **Isnin, 16 November 2015**. Hantar sebarang maklum balas ke [beritakampus45@gmail.com] atau terus ke Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi. Terima kasih.

4x400m lelaki USM menang perak

Atlet Universiti Sains Malaysia (USM) mencuri tumpuan penonton di Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) apabila kuartet lelakinya memenangi perak acara 4x400 lari berganti-ganti di kejohanan olahraga Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang berlangsung pada 4 Oktober yang lalu.

Gandingan Muhammad Hanif Norizam, Nurhafiz Syaza Norfaizal, Wan Zhi Xuan dan Muhammad Syamil Rosli memenangi pingat perak dengan mencatat masa selama empat minit 45 saat yang menyebabkan ketinggalan sedikit di belakang kuartet dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Pingat gangsa dimenangi oleh kuartet dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Menurut Hanif Norizam, kemenangan kuartet lelaki USM dalam acara tersebut adalah hasil usaha gigih mereka membuat persediaan sebelum pertandingan MASUM bermula dan kesungguhan jurulatih, Encik Faroq dari USM Kampus Kejuruteraan dan Encik Falawi dari Pusat Sukan & Rekreasi USM Kampus Induk.



(Dari kiri) Wan Zhi Xuan, Muhammad Hanif Norizam, Nurhafiz Syaza Norfaizal dan Muhammad Syamil Rosli meraikan kemenangan pingat perak mereka dalam acara 4x400 lari berganti-ganti pada Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. – FOTO Shahril Zawawi

"Cuaca sungguh baik walaupun ketika ini Malaysia dilanda masalah jerebu dan larian saya berjalan lancar. Saya sangat gembira dengan kelajuan saya dalam acara larian itu dan cuba untuk mendepani pasukan UPM", kata Syamil Rosli.

Tambahnya lagi, walaupun hanya dapat mendapat pingat perak dalam acara tersebut, ia adalah sesuatu yang membanggakan bagi kuartetnya dan seluruh warga USM yang hadir semasa MASUM di UKM serta kejayaan tersebut dapat mengharumkan nama USM dalam bidang sukan.

Pasukan bola tampar wanita USM naib johan



GEMBIRA... Pasukan bola tampar wanita USM bersama pengurus pasukan berpuas hati walaupun hanya mendapat naib johan dalam Kejohanan Bola Tampar Liga Sukan Daerah Timur Laut 2015 di Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban, Pulau Pinang baru-baru ini.

Oleh **WEY WEI LING**

Pasukan bola tampar Universiti Sains Malaysia (USM) merangkul pingat perak dalam Kejohanan Bola Tampar Liga Sukan Daerah Timur Laut 2015 di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang pada 7 oktober lalu.

Kejohanan ini dianjurkan oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah Timur Laut kerjasama dengan Persatuan Bola Tampar Negeri Pulau Pinang.

Pada perlawanan akhir, pasukan Co-ed menumpaskan USM 25-20, 25-15 bagi kategori wanita. Naib johan menerima wang tunai RM600. Pasukan lelaki telah ditewas dalam pertandingan ini, USM menewaskan pasukan AIB 30-6, pasukan OCY menewaskan USM 30-28 dan pasukan Teik Hooi menewaskan USM 28-30.

Pasukan wanita johan dan naib johan pula akan mewakili Daerah Timur Laut untuk menyertai Kejohanan Liga Sukan Untuk Semua Peringkat Daerah Negeri Pulau Pinang 2015 anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.

Terdapat lima pasukan wanita dan 10 pasukan lelaki menyertai pertandingan ini. Pasukan untuk lelaki ialah Chung Ling Private, BRAVE, X-dream T, The Garden B, AIB, OCY, Teik Hooi, AC-MASHOOR, UiTM dan USM. Pasukan untuk wanita ialah PCGHS, USM, Co-ed, Chung Ling Private dan UiTM.

Ketua pasukan bola tampar USM, Chew Boon Wai berkata penyertaan pertandingan ini penting untuk mengumpulkan pengalaman dan membentuk semangat persefahaman antara ahli baru dan lama.

"Saya percaya pasukan kami akan menjadi lebih kuat selepas pertandingan ini. Penyertaan pertandingan ini untuk menambah pengalaman ini untuk menambah pengalaman dan membuat persediaan untuk menerima cabaran dalam Kejohanan Olahraga MASUM 2015", tambah Chew.

Larian Terbuka Kelantan 2015 pupuk gaya hidup cergas



Larian keluarga yang disertai kanak-kanak disambut meriah oleh peserta program.

Dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan, seramai 600 peserta terlibat dalam Larian Terbuka Kelantan yang bertempat di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan.

Program yang bertemakan 'Komuniti Fit Malaysia' itu turut melibatkan peserta dari negeri jiran seperti Terengganu dan juga negara jiran, Thailand.

Menurut Timbalan Pengarah Larian Terbuka 2015, Mohd Hafezi Mat Zain, tujuan sebenar program ini dijalankan untuk melibatkan komuniti di Kelantan bersukan agar mereka cergas dan sesuai dengan saranan dan bertepatan dengan tema yang ditetapkan mengikut saranan kementerian supaya rakyat Malaysia lebih cergas dan terhindar penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes, penyakit jantung, strok dan kanser.

"Program yang bermula sejak 2011 menjadi pencetus kepada program-program yang mengetengahkan aktiviti larian di Kelantan.

Program itu turut mempertandingkan acara yang bertemakan keluarga. Acara tersebut diberi nama larian keluarga yang melibatkan ibu atau bapa berlari bersama-sama anak yang berumur tujuh tahun ke bawah.

Turut hadir merasmikan Larian Terbuka Kelantan 2015 ialah Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan, Encik Md Suji Zakaria.

Kelab Rekreasi USM anjur PINK 2015

Kelab Rekreasi UniSains USM telah mengadakan Program Interaksi atau dikenali sebagai PINK 2015. Program tersebut bertujuan untuk mencungkil bakat kepimpinan serta membina ketahanan fizikal dan mental para peserta kelab.

Menurut Yang Dipertua KRU, Mohd Annawi Shamsudin, penubuhan KRU bertujuan untuk memberi pendedahan kepada siswa-siswi USM terhadap pelbagai aktiviti lasak yang boleh disertai.

Justeru Sik, Kedah adalah destinasi pertama PINK pada sidang 2015/2016. Program yang berlangsung selama tiga hari itu memberi pengalaman baru kepada ahli yang pertama kali menyertai aktiviti kelab berkenaan.

"KRU mendapat kerjasama daripada Pusat Sukan dan Rekreasi USM untuk menjalankan aktiviti. Antara aktiviti yang diadakan sewaktu PINK seperti berkayak, mendaki bukit, berbasikal dan pelbagai serta melibatkan aktiviti dalam kumpulan", jelas Annawi.

Sementara itu, Ketua Exco KRU, Mohd Izzuwan Ahmad Sukri berpendapat KRU merupakan kelab yang memberi kelainan kepada ahli kerana sewaktu program setiap peserta dilatih untuk menjalankan pelbagai aktiviti lasak secara individu dan berkumpulan. PINK adalah program santai serta memberi kepuasan kepada ahli dengan aktiviti luar bilik kuliah.

"Saya berharap agar siswa-siswi USM dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh KRU kerana ia dapat membentuk jati diri seseorang untuk berdikari",kata Izzuwan.

"Aktiviti lasak menyihatkan badan seterusnya menjadi manusia yang bebas daripada ancaman penyakit. Pada tahun hadapan KRU akan mengadakan aktiviti yang lebih mencabar iaitu mendaki gunung Prau di Yogyakarta, Indonesia", jelas Izzuwan.

Pasukan badminton wanita USM peroleh perak

Oleh **KEE YIK KAI**

Kejohanan Badminton IPT 2015 telah membuka tirai saingan di Pusat Sukan Universiti Malaya pada 4 Oktober, yang melibatkan beberapa buah universiti termasuk Universiti Sains Malaysia (USM).

USM diwakili 7 orang peserta. Pasukan yang layak ke pusingan akhir adalah pasukan badminton kategori wanita dan telah bersaing antara sama satu lain bagi memburu slot dan akhirnya beraksi di peringkat akhir.

Eng Suk Chieng dalam acara perseorangan wanita. Tok Swee Tee dan Ang Ferng Ying pula dalam acara pasangan wanita. Mereka telah berpeluang membuktikan kebolehan masing-masing dan berjaya meraih pingat perak dalam kejuaraan itu. Manakala, pasukan lelaki tidak berjaya dalam perlawanan tersebut.

Ketua pasukan badminton, kategori wanita USM, Ang Ferng Ying berkata, pasukan mereka telah mencapai sasaran yang ditetapkan walaupun akhirnya tidak memperolehi juara.

Menurut Ang, peserta USM berpeluang berhadapan dengan pesaing yang bertaraf kebangsaan melalui pertandingan dan ini adalah satu platform yang bernilai bagi mereka meningkatkan kemahiran yang sedia ada.

"Ciri-ciri fizikal yang kuat dan faktor psikologi yang seimbang adalah penting ketika melibatkan diri dalam setiap perlawanan. Ia juga adalah kunci utama bagi setiap peserta untuk pencapaian yang baik pada masa yang hadapan," ulas Ang.

Wakil pasukan lelaki, Chang Tun Wei, berkata matlamat utama bagi pasukan badminton mereka adalah berlatih secara bersungguh-sungguh dalam setiap latihan. Selain itu, meningkatkan kemahiran diri dan kekuatan fizikal masing-masing adalah tindakan yang perlu diutamakan untuk berhadapan dengan cabaran yang baharu dari semasa ke semasa.

Kejohanan Badminton IPT pada tahun ini dianjurkan oleh Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) bersama dengan Pusat Sukan Universiti Malaya bagi menyediakan kesempatan kepada peserta mengamalkan budaya bersukan di tempat berkenaan.

#LABT perkasakan kampus bebas tembakau

Oleh **NURUL FAZERA ABDUL AZIZ**

Program #Larian Amal Bebas Tembakau (#LABT) anjuran Pusat Rancangan Khidmat Masyarakat, Universiti Sains Malaysia (RKMUSM) dengan kerjasama MySihat USM bertujuan memperkasakan kampus bebas tembakau yang pertama di Malaysia serta mengumpul dana untuk Rumah Anak-anak Yatim Darul Salam Ipoh, Perak telah berjaya dilaksanakan.

Seramai 700 peserta yang terdiri daripada ahli RKM, bukan ahli dan staf USM telah menyertai larian amal ini pada 3 Oktober 2015.

Tema #LABT ialah 'Kick butts day. Stand out. Seize out'. Program ini memastikan persekitaran yang bebas daripada sebarang bentuk pengiklanan, promosi, penajaan, penjualan dan penggunaan semua jenis produk tembakau.

Jarak larian #LABT adalah sejauh 6.5 kilometer bagi peserta lelaki dan 4.5 kilometer bagi peserta wanita. Larian itu bermula dan berakhir di Stadium Olahraga USM.

Turut hadir dalam program tersebut adalah Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk USM, Profesor Madya Razak Lajis, Pengerusi Rancangan Khidmat Masyarakat (RKM), Dr Normah Abdul Latip, Yang Dipertua Mysihat USM, Mohd Elmie Fitri dan pemantau projek #LABT Puan Sazaroni Md Rashid.

Menurut pengarah projek program #LABT, Masrizwan Shah Marzuki, program ini mencapai tujuan dan berjaya dilaksanakan mengikut perancangan.

Menurut Masrizwan lagi, diharapkan projek ini dapat diteruskan pada siri akan datang bagi memastikan program ini benar-benar mempromosikan kesihatan warga USM terutamanya dan mewujudkan kampus bebas asap rokok basi di samping beramal pada masyarakat yang kurang berkemampuan.

Bagi pemantau projek #LABT, Puan Sazaroni Md Rashid, program #LABT yang telah diadakan tepat pada waktunya dan diharap mampu meningkatkan kesedaran warga kampus tentang bahaya asap rokok basi.

"Semoga program seperti ini yang berkaitan kawalan tembakau mendapat sambutan yang baik, kerjasama dan penglibatan oleh semua pihak sebagai usaha padu untuk mempromosikan gaya hidup sihat sekaligus merealisasikan kampus USM sebagai kampus bebas tembakau yang pertama di Malaysia", katanya.

Menurut peserta, Siti Khadijah Khalid, Pengurusan 2, program tersebut bukan sahaja dapat menyihatkan badan tetapi dalam masa yang sama dapat menderma kepada Rumah Anak-anak Yatim Darul Salam.

SUKAN



Aksi pasukan USM Touch Footie (jersi merah) ketika perlawanan menentang pasukan T19ress (jersi putih) semasa berlangsungnya Kejohanan Fun Touch Tournament pada 13 September bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Touch Footie wanita USM mampu pergi lebih jauh

Oleh **MASTURA ABDUL MALEK**

Pasukan Touch Footie wanita masih lagi asing di Universiti Sains Malaysia (USM) sejak ditubuhkan pada awal semester ini. Menyertai Kejohanan Fun Touch Tournament (KFTT) anjuran Fit Touch Malaysia (FIT) buat julung kali pada 13 September menyerlahkan lagi bakat pasukan wanita pertama USM yang lebih dikenali sebagai USM Touch.

Menurut jurulatih pasukan Touch Footie wanita, Mohammad Hazwan Nor Azman, 24, pengalaman bermain ragbi antara kemahiran yang beliau kongsikan bersama semua pemain. Hazwan turut menambah beliau bukan bertindak sebagai jurulatih utama, sebaliknya turut melatih pasukan USM Touch bersama dengan seorang bekas siswi USM, Nur Hazirah Roslan.

"Idea asal penubuhan pasukan adalah daripada alumni USM Kampus Kesihatan. Latihan diadakan di Padang Minden setiap hari Selasa dan Rabu. Permainan ini mirip seperti rugbi, tetapi yang membezakan adalah dari segi corak permainan. Bilangan pemain terdiri daripada 14 ahli pasukan iaitu enam dalam padang dan lapan lagi bertindak sebagai pemain simpanan", kata Hazwan.

Setelah pasukan USM Touch mendapat tempat keempat dalam KFTT, Hazwan menyatakan beliau berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh mereka. Komitmen yang diberi oleh para pemain juga sangat tinggi.

"Para pemain hanya memperuntukkan masa yang singkat untuk menjalani latihan. Mereka mempraktikkan masa latihan itu sebaik-baiknya. Dapat bersaing dengan pasukan yang lebih berpengalaman adalah langkah permulaan yang baik untuk pasukan kita selepas mereka kalah tipis di perlawanan penentu tempat ketiga dan keempat", ujarnya lagi.

Bercakap mengenai pencapaian dan potensi pasukan Touch Footie wanita USM untuk masa akan datang, Hazwan menyatakan beliau yakin USM Touch mampu pergi lebih jauh sekiranya komitmen yang diberikan oleh para pemain adalah berterusan.

"Kami akan berusaha untuk menggilap semua bakat di USM yang berminat mencuba permainan ini dengan berkongsi ilmu dan pengalaman yang kami peroleh. Jika prestasi seperti ini dikekalkan, saya percaya pasukan USM Touch mampu menjadi pesaing kepada pasukan lain di Malaysia", tambah beliau.

"Bagi siswi yang berminat menyertai kami, penyertaan mereka sangat dialu-alukan kerana kami masih mencari pemain baru yang mempunyai bakat. Info tentang latihan dan kejohanan akan datang akan dikongsi melalui Laman sesawang Facebook USM Touch Footie Rugby dan USM Rugby", jelas Hazwan.

Sukan badminton eratkan hubungan Malaysia-Thailand

Perlawanan persahabatan badminton antara Malaysia dan Thailand mengeratkan lagi hubungan dua negara ini. Kejohanan yang berlangsung di Thailand telah mengharumkan nama Malaysia apabila berjaya menumpaskan pasukan Thailand dengan kemenangan 3-2 pada perlawanan pertama dan 4-1 pada perlawanan kedua. Kejohanan tersebut berlangsung di Universiti Chiang Mai, Thailand.

Menurut Ketua Jurulatih Badminton Universiti Malaya (UM), Daphne Ng Chiew Yen pemain yang dipilih untuk mewakili Malaysia adalah hanya dari UM dan USM. Mereka dipilih berdasarkan prestasi dan keputusan pertandingan mereka dalam mana-mana kejohanan yang disertai, komitmen, tahap disiplin yang tinggi, semangat yang berkobar-kobar serta ketahanan semasa latihan. Selain itu, terdapat beberapa strategi yang dijalankan untuk meningkatkan prestasi dalam sukan badminton. Salah satu strategi yang dijalankan ialah menganjurkan kejohanan dalaman bagi mencungkil bakat baharu, menambah masa latihan serta mengambil jurulatih yang bertauliah.

"Saya menyarankan kepada siswa-siswi khususnya untuk melibatkan diri dalam sukan badminton kerana setiap universiti di Malaysia mempunyai kemudahan dewan badminton serta beberapa fasiliti yang baik untuk digunakan", tambah Daphne lagi.

Menurut pemain perseorangan badminton USM, Tok Swee Tee, beliau sangat teruja dan terharu kerana dipilih untuk mewakili Malaysia dalam perlawanan di peringkat antarabangsa seperti itu.

"Penglibatan siswa-siswi dalam sukan badminton secara keseluruhannya semakin meningkat dan kebanyakan pemain yang mewakili universiti sekarang adalah hasil daripada projek badminton yang dijalankan oleh pihak pengurusan di universiti masing-masing. Kebanyakan mereka yang terpilih mewakili Malaysia pernah bermain di peringkat Majlis Sukan Sekolah Malaysia dan adalah bekas pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil", jelas Tok.